

**ISU WANITA DALAM NOVEL CINTA SUCI ZAHRANA
KARYA HABIBURRAHMAN EL SHIRAZY: KAJIAN
PERBANDINGAN FEMINISME BARAT DAN ISLAM**

CHE NORATHIRAH AUNI BINTI CHE HASHIM

C18A0049

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Isu Wanita Dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya
Habiburrahman El Shirazy: Kajian Perbandingan Feminisme
Barat Dan Islam**

Che Norathirah Auni binti Che Hashim

C18A0049

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan Dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

980915-03-5874

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 12 Februari 2022

Tandatangan Penyelia

Dr. Nasirin bin Abdillah

Nama Penyelia

Tarikh: 21/2/2022

**ISU WANITA DALAM NOVEL CINTA SUCI ZAHRANA KARYA
HABIBURRAHMAN EL SHIRAZY: KAJIAN PERBANDINGAN FEMINISME
BARAT DAN ISLAM**

ABSTRAK

Penelitian kajian ini adalah untuk menelusuri isu wanita yang sering mendapat perhatian dalam medan kesusasteraan. Kajian ini menjurus kepada pemerihal wanita dan pendekatan Ginokritik oleh Elaine Showalter dengan mengaplikasikan empat model utama dalam ginokritik. Selain itu, untuk perbincangan yang lebih mendalam tentang peringkat perkembangan Feminisme Barat dan melihat dalam sudut pandangan Islam tentang kedudukan wanita mengikut aspek ekonomi, politik dan pendidikan. Secara keseluruhannya kajian ini berbentuk kualitatif dengan mempraktikkan analisis kandungan dalam penelitian yang dijalankan. Melalui kaedah kualitatif pengkaji mengkaji teks novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy untuk meneliti aspek perjuangan melalui pendidikan, pekerjaan, kekeluargaan, emosi dan sosial. Hasil dapatan kajian memperlihatkan penulisan cerita ini sarat dengan perjuangan seorang wanita dalam menjalani kehidupan. Di samping itu, mengenalpasti pendekatan ginokritik dalam menilai penulisan dalam karya kecenderungannya mengungkapkan ketulusan pengarang dalam menstereotaipkan watak wanita dengan baik. Kajian ini juga menganalisis perbandingan antara Feminisme Barat dan sudut pandangan Islam ini secara meluas untuk mengbongkarkan kebenaran kedudukan seorang wanita.

Kata kunci: *novel Cinta Suci Zahrana, Habiburrahman El Shirazy, ginokritik, Feminisme Barat dan Islam*

**WOMEN'S ISSUES IN THE NOVEL CINTA SUCI ZAHRANA BY
HABIBURRAHMAN EL SHIRAZY: A COMPARATIVE STUDY OF
FEMINISM AND ISLAM**

ABSTRACT

The purpose of this study is to explore the issues of women that often get attention in the field of literature. This study focuses on the descriptors of women and the Gynocritical approach by Elaine Showalter by applying four main models in gynocriticism. In addition, for a more in -depth discussion of the stage of development of Western Feminism and look in Islamic point of view on the position of women in terms of economic, political and educational aspects. Overall, this study is qualitative by practicing content analysis in the study conducted. Through qualitative methods the researcher studied the text of the novel *Cinta Suci Zahrana* by Habiburrahman El Shirazy to examine the aspects of struggle through education, employment, family, emotional and social. The results of the study show that the writing of this story is loaded with a woman's struggle in living life. In addition, identifying the use of a gynocritical approach in evaluating writing in her work tends to reveal the author's sincerity in stereotyping female characters well. This study also analyzes the comparison between Western Feminism and this Islamic point of view extensively to uncover the truth of a woman's position.

Keywords: *novel Cinta Suci Zahrana, Habiburrahman El Shirazy, gynocriticism, Feminism and Islam*

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya dan juga menempuhi pelbagai halangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih juga kepada penyelia saya iaitu Dr. Nasirin bin Abdillah pensyarah Universiti Malaysia Kelantan yang banyak memberi nasihat dan bimbingan yang sangat membantu dalam penghasilan tesis ini. Segala bimbingan dan nasihat beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah Universiti Malaysia Kelantan yang memberi sokongan dan menjadi panel penilaian pembentangan yang memberi teguran yang memberangsangkan.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ibu yang saya hormati, Hasnah binti Bakar yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya Aida Mastura binti Mohamad, Aina Syafiqah binti Karim dan Aisyah Humaira' binti Mustapha Faizul atas kesabaran, sokongan, memberi bantuan dalam mencurahkan idea dan doa kalian, sehingga tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Che Norathirah Auni binti Che Hashim

Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan


Kelantan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

PERKARA	HALAMAN
Pengesahan Tesis	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Kandungan	vi
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Obkektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Metodologi Kajian	9
1.9 Istilah Berkaitan	10
1.9.1 Feminisme Barat	10
1.9.2 Feminisme Islam	11
1.9.3 Primitif	12
1.9.4 Patriarki	12
1.10 Kesimpulan	13
 BAB 2: SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Wanita Dan Feminisme Menerusi Novel Cinta Suci Zahrana	15

2.3	Kerelatifan Bahasa Terhadap Novel Cinta Suci Zahrana	17
2.4	Nilai Dalam Novel Cinta Suci Zahrana	18
2.5	Penaakulan Habiburrahman El Shirazy	21
2.6	Pemikiran Feminisme Dalam Perspektif Islam	23
2.7	Ideologi Feminisme Barat	26
2.8	Perbandingan Pemikir Islam Dan Barat	27
2.9	Kesimpulan	30

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk	32
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	32
3.2.1.1	Kaedah Analisis Teks	33
3.2.1.2	Kaedah Pengumpulan Data	32
3.2.2	Penerapan Teori	35
3.2.2.1	Feminisme Barat	35
3.2.2.2	Kedudukan Wanita Dalam Islam	38
3.2.3	Kerangka Konseptual	41
3.3	Kesimpulan	42

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	43
4.2	Aspek Perjuangan Wanita Dalam Novel Cinta Suci Zahrana	44
4.2.1	Aspek Pendidikan	44
4.2.2	Aspek Pekerjaan	50
4.2.3	Aspek Kekeluargaan	54

4.2.4	Aspek Emosi	58
4.2.5	Aspek Sosial	61
4.3	Pendekatan Elaine Showalter Dalam Feminisme	65
4.3.1	Penulis Wanita Dan Biologi Wanita	67
4.3.2	Penulis Wanita Dan Bahasa Wanita	68
4.3.3	Penulis Wanita Dan Pasikologi Wanita	69
4.3.4	Penulis Wanita Dan Budaya Wanita	70
4.4	Feminisme Barat Berbeza Dalam Sudut Pandangan Islam	71
4.4.1	Feminisme Barat	71
4.4.1.1	Feminisme Liberal	72
4.4.1.2	Feminisme Marxis	73
4.4.1.3	Feminisme Sosialis	74
4.4.1.4	Feminisme Radikal	75
4.4.1.5	Feminisme Psikoanalisis	76
4.4.1.6	Feminisme Eksistensialis	77
4.4.2	Kedudukan Wanita Dalam Islam	78
4.4.2.1	Aspek Ekonomi	79
4.4.2.2	Aspek Politik	81
4.4.2.3	Aspek Pendidikan	83
4.5	Kesimpulan	85
BAB 5: KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	86
5.2	Rumusan Kajian	87
5.3	Cadangan	89

5.3.1	Memperluaskan Lagi Kajian Tentang Feminism Dan Melihat Dari Sudut Pandangan Islam	90
5.3.2	Peranan Media Massa Dalam Menegakkan Kebenaran Dan Memberi Keadilan Kepada Wanita	90
5.4	Kesimpulan	92
RUJUKAN		93

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Hakikat yang perlu kita sedari isu wanita sering dijadikan persoalan dan subjek perbincangan di seluruh dunia. Tidak dinafikan terbuiktinya pernyataan diatas menurut Andek Masnah Andek Kelawa (2001) dalam penulisannya mengatakan bahawa sebelum abad ke-6 masihi nilai diri seorang wanita adalah seperti mainan. Hal ini kerana wanita dianggap sebagai alat pemuas nafsu kaum lelaki, tidak dihormati dan tidak berhak mendapatkan hak yang sewajarnya kerana sifat dan budaya primitif mengukur wanita melalui asas kekuatan mereka. (Jawwad Ali 1978, 5:535). Namun ianya masih terjadi sehingga hari ini di mana golongan wanita masih lagi mengalami diskriminasi terutamanya dalam sektor pekerjaan. Menurut Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Tan Sri Razali Ismail (2019), jumlah peratusan wanita dalam sektor pekerjaan lebih sedikit berbanding lelaki iaitu 54.7 peratus dan 80.7 peratus lelaki. Jumlah ini tidak termasuk bilangan remaja perempuan yang tidak dapat meneruskan penglibatan dalam dunia bekerja kerana menamatkan usia muda dalam alam rumah tangga yang meninggalkan kesan kepada mereka. Malahan dalam tinjauan kajian penyelidikan terbaru oleh Women's Aid Organisation (WAO) dan agensi penyelidikan Vase.ai menyokong untuk meminda Akta Pekerjaan 1955 menurut Lay Sheng (2020), kerana wanita di Malaysia dikatakan mengalami bentuk diskriminasi di tempat kerja.

Antaranya dalam proses temuduga kerja, dimana golongan wanita ini dipersoalkan tentang status perkahwinan, kemampuan mereka dalam menjalankan kerja dan meletakkan kelayakan mereka seperti menyediakan minuman dan mengemas pejabat.

Oleh hal yang demikian, dapat dilihat hakikatnya isu wanita ini juga telah diperdebatkan dalam karya sastera kreatif. Wanita menjadi watak utama dalam karya sastera yang diolah dalam pelbagai perwatakan seperti srikandi, penyayang, pengkhianat dan sebagainya. Terdapat banyak penulisan yang mengukil wanita secara stereotaip dan gambaran. Antaranya novel *Salina* karya A.Samad Said, *Tivi* karya Shahnnon Ahmad, *Jalur Sinar di Celah Daun* oleh Zaharah Nawawi, *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* karya Ahmad Kotot, *Wajah Seorang Wanita* karya S. Othman Kelantan, *The Best Of Me* karya Nicholas Sparks dan lain-lain. Namun begitu, untuk kajian ini telah memilih sebuah novel penulisan Habiburrahman El Shirazy iaitu *Cinta Suci Zahrana* (2012) sebagai topik perbincangan dalam isu wanita ini dengan melihat stereotaip wanita. Alur cerita ini dibawa oleh watak wanita Islam. Meskipun begitu, perjuangan dalam mempertahankan hak sebagai seorang wanita ada diceritakan sepanjang perjalanan hidup Zahrana. Watak ini mengarapkan perwatakan yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan pekerjaan yang selayaknya dengan pencapaian yang dimiliki. Kajian ini akan mengaplikasikan feminisme ginokritik serta konteks berbandingan Feminisme Barat dan sudut pandangan yang berbeza dalam perspektif Islam.

Pengertian feminisme ini menurut Maggie Humm dalam penghasilan bukunya yang berjudul *Dictionary of Feminist Theories* yang mengolah tentang ideologi golongan wanita yang inginkan pencapaian dan kehendak peribadi, kerana wanita tidak mendapat keadilan yang sama dengan golongan lelaki kerana berbeza jantina. Manakala bagi pendapat Lisa Tuttle (1986), tentang istilah yang merujuk kepada hak asasi wanita iaitu feminism dalam bahasa Inggrisnya feminisme yang berasal daripada bahasa Latin femina

iaitu wanita. Secara umumnya, ia telah membincangkan sepenuhnya tentang perkara-perkara tentang wanita secara jelas oleh tokoh Barat. Antara salah satu pengkaji yang mengemukakan kritikan terhadap teori Feminis atau gerakan Feminisme iaitu Elaine Showalter (1979: 25). Menurut beliau terdapat dua pendekatan dalam teori Feminis iaitu kritikan feminis dan ginokritik feminis, yang mana kritikan feminis menekankan kepada hasil karya yang ditulis oleh lelaki dan pembacanya adalah wanita dan watak-watak wanita menjadi gambaran dalam karya lelaki. Manakala kritikan ginokritik diperkenalkan oleh Elaine Showalter untuk kemukakan semua pendapat atau karya wanita sepenuhnya, tanpa memberi ruang untuk pengkarya lelaki dalam menyentuh tanggapan terhadap wanita. Hal ini ini kerana bagi beliau lelaki tidak memahami sifat atau perasaan golongan wanita.

Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2013), menerusi kajian yang dilakukan oleh Barat tentang wanita Islam ialah penindasan wanita Islam terjadi kerana sistem sosial oleh golongan patriarki, sifat kewanitaan dan budaya primitif (kuno). Selepas kedatangan Islam abad keenam, wanita telah mendapatkan hak dan status yang sewajarnya sama seperti kaum lelaki. Kedudukan wanita diperincikan dalam ajaran Islam, malahan mendapat penentuan hak, pembelaan dan hukuman yang tertulis dengan jelas dalam al-Quran dan Hadis. Antara hak-hak yang diberikan oleh Islam kepada kaum wanita ialah hak beragama dan beribadah, hak perseorangan, hak menuntut ilmu, hak memiliki harta, hak dalam perkahwinan dan sebagainya.

Merujuk kepada Sohaimi Abdul Azizi (2014: 251), teori Feminisme ini digarapkan dalam penulisan teks sastera adalah untuk membincangkan tentang penindasan dalam pelbagai bidang sosial, ekonomi mahupun politik terhadap kaum wanita, walau bagaimanapun penciptaan gerakan feminisme ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada kaum wanita supaya menegakkan keadilan dalam

memperjuangkan hak-hak wanita sama seperti kaum lelaki. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menggunakan sebuah novel untuk mengetengahkan perjuangan wanita iaitu Zahrana dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy. Hal ini bertujuan agar wanita berusaha dan tabah dalam mencapai apa jua keinginan yang ingin dicapai sepanjang perjalanan hidup ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat pendapat atau pandangan yang sejajar dengan isu wanita yang telah diperbahaskan. Oleh itu, teori Feiminisme adalah kecenderungan terhadap perihal wanita iaitu berkaitan dengan penindasan terhadap kaum wanita yang berlaku di barat iaitu dikenali sebagai gerakan feminisme yang memperjuangkan hak-hak wanita. Ideologi terhadap gerakan feminisme ini berbeza mengikut perspektif Islam, namun masih mempunyai tujuan yang sama dalam pembelaan terhadap kaum wanita. Ia juga adalah untuk memberi kebebasan yang setiap wanita inginkan dalam melangsungkan kehidupan peribadinya, maka terhasillah teks-teks berbentuk perjuangan wanita untuk memberi kesedaran kepada kaum wanita supaya tidak menjadi kaum yang lemah seperti buku *Vidication of the Light of Women* pada tahun 1792 oleh Mary Wollstnecraft. Oleh itu, kemunculan ideologi atau pemikiran dalam pembentukan teori ini adalah bertujuan untuk meneliti aspek yang terdapat di dalam teks.

Penelitian terhadap novel *Cinta Suci Zahrana* (2012) karya Habiburrahman El Shirazy ini adalah mengandungi aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu perihal tentang wanita. Dengan kata lain perjuangan wanita yang digambarkan dalam novel ini

melalui watak Zahrana yang membawa perwatakan wanita yang tabah dan gigih dalam memperjuangkan kehidupannya sebagai wanita yang berjaya. Hal ini dikatakan demikian, kerana pembawakan watak yang menonjolkan bagaimana wanita dalam novel ini menjalani kehidupan yang diingini atau pembebasan dalam melakukan semua perkara yang sama seperti kaum lelaki lakukan. Hal ini demikian, untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa wanita juga boleh berjaya jika mereka diberikan ruang dan peluang dalam mencapai maklumat dan mencari identiti atau kemahiran yang terdapat dalam diri mereka. Bukan sahaja bila disebut sebagai wanita mereka perlu menguruskan hal rumah tangga semata-mata. Walau bagaimanapun kajian ini ingin melihat apa yang dilakukan oleh wanita dalam memperjuangkan hidup mereka.

Pengulasan tentang perjuangan dan hak diperjuangkan golongan wanita adalah satu perkara yang wajar diketengahkan bagi menegakkan keadilan hak sama rata golongan lelaki dan wanita diatas muka bumi ini. Oleh hal itu, tidak hairanlah pada hari ini terlahirnya tokoh-tokoh wanita yang hebat bukan sahaja dalam aspek sosial malahan dalam aspek politik dan ekonomi. Kajian ini ingin mengetengahkan aspek perjuangan wanita dalam novel Cinta Suci Zaharana mempertahankan hak-hak kaum wanita, bagi menegakkan keadilan mengikut kesamarataan dengan kaum lelaki. Oleh itu, penggunaan teori feminis menjadi titik permulaan perjuangan sepenuhnya terhadap kaum wanita. Namun begitu, seperti yang diketahui feminisme Barat berbeza dengan sudut pandangan dari Islam jalan perjuangan yang dilakukan. Hal ini kerana pemikiran Islam dan Barat mempunyai pendapat yang tersendiri bagaimana cara perjuangan untuk mereka menegakkan hak asasi mereka sebagai manusia biasa.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas isu wanita banyak diperdebatkan oleh pengkaji lepas melalui aspek naratif, ciri-ciri perwatakan wanita, ketidakadilan gender, citra wanita, pendekatan teori feminis dan sebagainya. Berdasarkan pemilihan novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy, kajian ini telah meneliti beberapa kajian lepas yang telah dilakukan ke atas novel ini seperti perincian citra wanita dalam novel ini dengan mengaplikasikan kritikan feminisme Mary Wollstonecraft oleh Rati Dwitari R. (2019). Hasil kajian lepas lebih terperinci kepada ciri-ciri wanita dan mengaplikasikan teori feminis sahaja. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin melakukan kajian terhadap novel *Cinta Suci Zahrana* ini dengan menumpukan kepada aspek perjuangan tokoh wanita dalam mencari kebebasan hidup dengan mengaplikasikan teori ginokritik oleh Elaine Showalter. Di samping itu, melihat perbandingan Feminisme Barat dan perbezaan dari perspektif Islam. Merujuk kepada penulisan *Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu* oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2013) dan buku *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah* oleh Andek Masnah Andek Kelawa (2001) ini telah memberi sumber sokongan dalam kajian ini untuk meneliti feminisme dari sudut pandangan Islam. Menurut kajian Mana Sikana (1998) penghasilan teori ini adalah satu bidang untuk merealisasikan pemahaman ideologi, konsep, prinsip dan sebagainya. Kajian ini akan memberikan hujahan terhadap aspek perjuangan wanita dan penggunaan teori ginokritik serta membuat perbandingan Feminisme Barat dan Islam.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan mengetengahkan beberapa persoalan dalam kajian iaitu:

- i. Apakah aspek perjuangan tokoh wanita dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy?
- ii. Bagaimanakah Elaine Showalter memperjuangkan golongan Feminisme?
- iii. Mengapakah Feminisme Barat berbeza daripada sudut pandangan Islam mengenai feminis?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Tiga objektif yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengkaji aspek perjuangan tokoh Wanita dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman.
- ii. Mengenal pasti pendekatan Elaine Showalter dalam Feminisme.
- iii. Menganalisis tentang Feminisme Barat dan perbezaan dalam sudut pandangan Islam tentang feminis.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan dalam kajian ini adalah ingin mengolah tentang Feminisme Barat dan melihat perbezaan dari sudut pandangan Islam secara meluas melalui watak wanita dalam novel *Cinta Suci Zahrana* oleh Habiburrahman El Shirazy. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang ingin dilakukan adalah berbeza dengan kajian-kajian lepas. Walau bagaimanapun kajian ini ingin melihat melalui pandangan yang berbeza terhadap teori Feminisme Barat dan Islam. Novel yang dikaji akan menelusuri tentang aspek perjuang tokoh tambahan pula pemikiran yang diutarakan oleh penulis dalam novel ini telah memaparkan sikap kedua ibubapa Zahrana ini menjurus kepada pemikiran yang kolot terhadap kerjaya seorang wanita, di mana mereka risau akan peningkatan usia anaknya itu hanya tertumpu kepada kerjaya dan tidak lagi mendirikan rumah tangga. Oleh hal yang demikian, ia menarik untuk mengkaji novel ini dengan lebih mendalam mesej-mesej yang disampaikan dengan mengaplikasikan teori ginokritik untuk melihat sejauhmana Elaine Showalter berjuang mempertahankan feminisme. Di samping itu pentingnya kajian ini dilakukan kerana kajian ini akan mengemukakan aspek perjuangan yang terdapat dalam novel ini seperti aspek pendidikan, aspek pekerjaan, aspek kekeluargaan, aspek emosi dan aspek sosial.

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian saya ini menerusi novel bertajuk *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy. Kajian ini meletakkan fokus kepada perjuangan wanita dalam mengharungi kehidupan dengan penuh kesabaran, walaupun pelbagai konflik yang melanda. Bahan bacaan untuk mencari maklumat, kajian ini banyak menggunakan buku-buku, jurnal dan sumber internet. Skop kajian ini tertumpu kepada perjuangan wanita dalam memperjuangkan hak-hak sebagai wanita dengan menggunakan pendekatan teori ginokritik serta mengkaji Feminisme dan memperincikan lagi dengan mengetengahkan perbezaan pendapat dari segi perspektif Islam.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Kajian Metodologi adalah satu perkara yang digunakan untuk mengupas perkara yang sedang dikaji dan dilaksanakan dalam kajian ini. Kaedah ini merupakan cara untuk mendapatkan maklumat dan menyelesaikan masalah dalam melaksanakan kajian. Dalam kajian ini menggunakan pendekatan feminisme dalam kajian dengan penelitian deskriptif analisis kualitatif. Hal ini kerana untuk mendapatkan maklumat kajian ini perlu menggunakan kaedah seperti proses pengumpulan data yang telah dilaksanakan oleh pengkaji mengikut kaedah yang bersesuaian. Antara kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif selalu melibatkan analisis teks, pengumpulan data, kaedah laman sesawang, perpustakaan

dan buku dalam pelaksanaan kajian ini. Penggunaan kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini adalah proses pengumpul data yang telah diperolehi daripada bahan yang digunakan seperti rujukan buku jurnal dan internet. Hasil yang diperolehi ini boleh dijadikan sebagai bahan panduan atau rujukan dalam kajian ini. Oleh hal itu, pengkaji membeli buku rujukan bagi mendapatkan maklumat dan panduan yang betul dan mengelak daripada berlakunya kesalahan penyampaian fakta. Penggunaan data penting seperti buku, kamus dan juga bahan ilmiah turut digunakan sebagai penyumbang data dalam kajian oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sah.

1.9 ISTILAH BERKAITAN

Istilah berkaitan yang dikemukakan adalah untuk menjelaskan istilah secara spesifik seperti berikut:

1.9.1 FEMINISME BARAT

Feminisme dalam perspektif Barat pula menerangkan golongan wanita barat yang merasa tertindas oleh ideologi atau pemikiran gereja, malahan mereka tidak memberi tempat yang adil terhadap kaum wanita di sana bahkan diperlakukan secara tidak adil dan kejam atau lebih bersifat diskriminasi. Wanita tidak dibenarkan untuk mempunyai aspek pendidikan yang sempurna, bahkan pekerjaan yang selayaknya dengan pendidikan yang mereka ada dan tempat dalam ekonomi dan politik. Misalnya abad pertengahan

perempuan Eropah tidak memiliki hak untuk memiliki harta dan tidak mempunyai hak untuk belajar sama seperti lelaki terutamanya dalam sektor kerajaan. Bahkan di Jerman suami boleh memperdagangkan isteri mereka, wanita dianggap sebagai barangan dagangan dan seorang ibu pula dikatakan insan yang lemah dan dilarang mendidik anaknya kecuali mendapat keizinan dari suami mereka dahulu.

1.9.2 FEMINISME ISLAM

Kemunculan gerakan feminisme Islam menggunakan ideologi atau pemikiran yang betul tanpa ada pengaruh luar yang bersifat penindasan atas tujuan yang tertentu. Oleh hal yang demikian perspektif Islam dalam feminisme ini adalah tujuan dalam susun atur secara jelas kehidupan wanita dan jelas di sisi hukum Islam. Malahan ia juga meliputi dalam hadis-hadis Rasulullah yang merangkumi bagaimana kehidupan untuk berkomunikasi dan sosial kaum wanita. Kemunculan Islam memberikan wanita kedudukan penting baik dalam undang-undang maupun dalam persamaan hak dengan kaum lelaki, tidak ada diskriminasi bagi perempuan. Hak kesamaan antara lelaki dan wanita dalam Islam diatur secara terang-terangan dalam al-Quran. Sebagai contoh di tanah Arab golongan wanita diletakkan sama taraf dengan kaum lelaki di sisi Allah. Dalam Islam berpandukan kitab-kitab suci dalam membincangkan tentang kedudukan wanita megikut hukum Islam yang betul. Islam sentiasa meletakkan hak-hak untuk setiap wanita sewajarnya dalam kerangka Islam dan tidak mempunyai sifat penindasan yang tidak sepatutnya.

1.9.3 PRIMITIF

Primitif merujuk kepada pemikiran yang primitif atau tanggapan masyarakat yang purbakala, kolot atau kuno. Perkataan ini bukanlah perkataan yang asing untuk diperbahaskan dalam isu feminisme ini. Hal ini demikian, kerana ia boleh merujuk kepada pemikiran masyarakat yang primitif dalam menyuarakan pendapat dan memberi tanggapan terhadap wanita. Selain itu, pemikiran primitif ini merujuk kepada satu keadaan atau masyarakat manusia yang tidak mempunyai peradaban dan tidak terdedah dengan kemodenan. Adakalanya primitif diertikan untuk individu yang tidak mempunyai perilaku dan adab yang sopan. Masyarakat yang berfikiran primitif ini juga menganggap budayanya lebih baik daripada budaya yang lain dan menolak arus kemodenan. Hal ini kerana mereka ingin terus kekal begitu dan tidak ingin terpengaruh dengan kemajuan teknologi.

1.9.4 PATRIARKI

Menurut Kamus Kesusasteraan (2021), patriarki merujuk kepada system sosial yang meletakkan lelaki sebagai penguasa utama. Lelaki pemegang kuasa utama dalam bidang-bidang yang ada seperti pentadbiran, institusi sosial, pemilikan dan pewarisan harta. Walau bagaimanapun sikap patriarki ini kerap digunakan oleh lelaki dalam menentukan kedudukan wanita terutamanya. Konsep patriarki digunakan oleh masyarakat barat untuk menandakan sebahagian besarnya kekuasaan dipegang oleh

kaum lelaki. Erti kata lain sebuah system yang menganggap kaum lelaki ditakdirkan untuk menentukan dan mengatur kelayakan wanita. Sistem patriarki juga menempatkan lelaki sebagai pendominasi dalam peranan kepimpinan, ekonomi, politik dan sosial. Bahkan dalam intitusi kekeluargaan lelaki atau bapa akan memiliki kuasa untuk menempatkan posisi wanita dibawahnya.

1.10 KESIMPULAN

Kesimpulanya, bab satu kajian ini adalah untuk memperjelaskan aspek yang ingin diperincikan dalam kajian yang akan dilakukan. Di mana dalam bab satu ini pengkaji mengemukakan berkenaan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan istilah berkaitan. Namun begitu, pengkaji telah memilih sebuah novel penulisan Habiburrahman El Shirazy iaitu Cinta Suci Zahrana (2012) sebagai topik perbincangan dalam isu wanita ini dengan melihat stereotaip wanita melalui aspek perjuangan dengan mengaplikasikan Feminisme ginokritik oleh Elaine Showalter dan membuat perbandingan Feminisme Barat dan Islam secara terperinci. Jelaslah disini, bab ini telah menjelaskan secara umumnya tentang kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Penghasilan sorotan kajian lepas ini adalah merupakan suatu pernyataan yang memaparkan keterangan fakta sesuatu kajian bagi menyokong objektif yang telah dikeluarkan oleh pengkaji- pengakaji untuk membuktikan kajian yang dikemukakan adalah penemuan-penemuan baharu. Perkara ini telah membuktikan apabila pengkaji itu membuat tinjauan dalam kajian. Dengan menggunakan teori dalam kajian tersebut adalah tujuan untuk dijadikan pendekatan, panduan dan pemahaman yang berkesan mengenai topik yang dikaji. Hasil penilaian terhadap kajian lepas juga juga menjadi rujukan kepada pengkaji. Oleh itu, setiap kajian yang dilakaukan oleh para intelektualisme mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza dalam mengutarakan idea mengenai sesebuah kajian mereka. Disini dapat kita jelaskan beberapa kajian lepas antaranya:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.2 WANITA DAN FEMINISME MENERUSI NOVEL *CINTA SUCI ZAHRANA*

Disini dapat kita huraikan kajian lepas yang dikaji oleh Nurani Martania (2013), dari Jurusan Sastra Indonesia Fakultas Sastra Universiti Jember yang mengupas topik tentang Kajian Feminisme Eksistensialis Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengupas tentang unsur-unsur yang terdapat dalam ini bagi membuktikan bahawa wanita juga boleh menunjukkan kemampuannya dalam segala bidang, yang sama dengan lelaki sehingga wanita tidak dianggap rendah oleh lelaki. Hal ini perlu diteliti oleh pengkaji untuk mengetahui apakah yang digambarkan dalam watak Zahrana dalam memperjuangkan hak-hak kebebasan sebagai wanita yang setaraf dengan lelaki. Hasil kajian ini jelas memperlihatkan unsur-unsur novel ini dalam bentuk tema, latar, ketokohan dan konflik telah memperlihatkan kebolehan kaum wanita dalam pelbagai skop bidang yang sama seperti lelaki.

Seterusnya, Citra Perempuan Dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy: Kritik Sastra Feminisme Mary Wollstonecraft kajian daripada Rati Dwitari R. (2019), Program Studi Sastra Indonesia, Jurusan Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Bahasa dan Sastra, Universitas Negeri Makassar. Penghasilan sebuah karya adalah imaginasi dari pengarang yang diterjemahkan kedalam bentuk teks sastra sebagai bahan bacaan khalyak. Malahan isu-isu semasa yang terjadi dalam kalangan masyarakat turut dipersembahkan ke dalam teks supaya dapat menjadi pengetahuan asas buat pembaca. Oleh itu, dalam kajian ini adanya mengaplikasikan ciri-ciri watak Zahrana sebagai seorang wanita yang tabah, berpendidikan tinggi, wanita yang terlalu memilih

jodoh dan wanita sebagai isteri yang solehah. Hasil daripada pemerhatian pengkaji telah mencetuskan idea untuk mengaitkan dengan pendekatan teori feminisme yang sejajar dengan pemerian wanita dalam cerita *Cinta Suci Zahrana*.

Selanjutnya, berbincangan terhadap Citra Perempuan dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy: Kritikan Sastra Feminis oleh Syska Istani (2012), pengkaji telah meneliti kajian terhadap novel *Cinta Suci Zahrana* ini dengan mendiskripsikan struktur dalam novel seperti tema, alur, penokohan dan latar. Tema yang diketengahkan ialah perjuangan wanita yang berjaya dalam mencapai matlamat hidup sehingga melupakan hasrat ibu bapanya yang meninginkannya berkahwin awal. Manakala terdapat beberapa tokoh yang diolah seperti zahrana watak utama, Pak Munajat, Bu Merlin, Pak Sukarman, Bu Nuriyah, Lina dan Hasan. Selain itu pengkaji juga telah menyenaraikan sifat atau perwatakan Zahrana yang telah di gambarkan oleh penulis Habiburrahman El Sharizy dalam novel ini. Hasil kajian ini dilakukan menurut Syska bertujuan untuk diaplikasikan ke dalam pembelajaran sastera dan di samping itu menjadi contoh kepada perempuan atau pembaca dalam mendalami citra perempuan yang disampaikan oleh penulis novel ini secara jelas.

Kajian Feminisme Pada Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy oleh Andestend (2020) telah membahaskan karya ini menerusi pendekatan Feminisme yang sering menjadi kajian para penulis di dalam karya sastera terutamanya. Hasil penelitian terhadap novel ini ianya bersesuaian untuk diperbahaskan dengan Feminisme yang terbukti dalam karya ini jelas menceritakan seorang wanita bernama Zahrana yang menuntut hak kesamarataan atau darjat yang sama dngan kaum lelaki. Antara bukti yang dikemukakan oleh pengkaji ialah peristiwa di mana Zahrana ingin melanjutkan pengajian di sekolah yang lebih tinggi dan sehingga melupakan akan usianya yang meningkat dan selayaknya mendirikan rumah tangga. Pada pendapat pengkaji dlam

jurnal ini menyimpulkan bahawa novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy ini berteraskan kepada pendekatan Feminisme yang berasaskan prinsip patriarki, dimana ia menuntut hak yang sama dengan kaum lelaki. Meskipun penulis karya ini adalah lelaki tetapi ia menggambarkan watak wanita melalui aspek feminisme dalam bentuk sosial dan budaya.

2.3 KERELATIFAN BAHASA TERHADAP NOVEL *CINTA SUCI ZAHRANA*

Kajian tesis sarjana mengenai Gaya Bahasa Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy: Kajian Stilistika oleh Sinta Wira Samsi, Nurizzati dan Ismail (2014), tujuan kajian tesis ini adalah mengenalpasti bentuk gaya bahasa dan fungsi gaya bahasa tersebut. Teknik pengumpulan data dengan cara meneliti gaya bahasa yang terdapat dalam novel *Cinta Suci Zahrana* dari menginventarisasikan (mengumpulkan) kepada jadual inventarisasi gaya bahasa yang terdapat. Gerak kerja inventarisasi ini telah menemukan gaya bahasa dalam novel *Cinta Suci Zahrana* seperti personifikasi, metafora, satire, parable, sinisme, alusi, eponym, ironi, sarkasme dan sebagainya. Penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karya sastera adalah untuk fungsi keindahan, fungsi penegasan, fungsi penyindiran, persamaan dan perbandingan.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang dilakukan terhadap novel *Cinta Suci Zahrana* ini melalui Analisis Makna Konotatif Dalam Teks Novel “*Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy” oleh Abdul Farid (2017). Beliau telah membincangkan tentang kewujudan lingual (bahasa) dan makna konotatif yang terdapat dalam teks sastera ini. Kajian ini telah diaplikasikan dengan menggunakan teori semantik. Penggunaan teori

semantik ini adalah untuk mengkaji tentang makna, seperti tatabahasa, bunyi, struktur kedudukan bunyi yang terbahagi kepada tiga peringkat. Manakala makna konotatif pula merangkumi aspek makna sebuah kata atau idea yang di maksudkan oleh sesuatu ungkapan. Analisis ini dilakukan menggunakan metode formal dan informal iaitu menggunakan lambang-lambang (formal) dan kata-kata (informal). Hal ini kerana kajian ini melibatkan penelitian terhadap linguistik atau bahasa. Jelaslah kajian ini menemukan bentuk lingual makna konotatif yang wujud morfologi dan sintaksis dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Sharizy ini.

2.4 NILAI DALAM NOVEL *CINTA SUCI ZAHRANA*

Tesis Ijazah Sarjana dari M. Zahrul Anam (2019), menerusi kajian Analisis Nilai Moral Dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy. Secara jelasnya kajian ini menfokuskan kepada penelitian terhadap diskripsi nilai moral yang terselit dalam novel berunsurkan islamik ini. Beliau meneliti aspek nilai moral ini melalui jenis nilai moral, wujud nilai moral yang menghubungkan dengan diri manusia secara khususnya. Hal ini kerana pengkaji mendapati bahawa kajian ini adalah untuk menukil nilai moral yang disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Pendekatan kualitatif dalam kajian ini telah menunjukkan beberapa nilai moral yang wujud dalam novel ini seperti nilai moral sosial, nilai moral akhlak dan nilai moral etika yang merujuk kepada wujud nilai moral berhubung dengan diri sendiri, hubungan yang wujud sesama manusia yang merujuk kepada sifat tolong menolong dan kawan baik. Oleh hal yang demikian

wajarlah kajian ini dilakukan kerana nilai moral yang digambarkan dalam novel ini dapat membentuk sikap positif kepada masyarakat dan juga sebagai tauladan yang berguna.

Analisis Unsur Intrinsik Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy telah diolah oleh Romi Saputra (2021). Kajian dalam menganalisis unsur-unsur instrinsik yang terdapat dalam novel ini menerusi pendekatan pragmatik. Mengfokuskan kepada unsur intrinsik ini telah menemui di dalam tema novel ini yang menggambarkan sikap kesabaran seorang perempuan yang mencari teman hidup di usianya. Manakala jalan cerita yang digambarkan oleh pengarang penulis novel ini pula secara progresif dan regresif. Tambahan pula tokoh utama yang digambarkan ialah watak perempuan iaitu Zahrana dan tokoh bersifat protagonist seperti Pak Munajat, ibu Nuriyah, Pak Sukarman dan lain-lain lagi. Habiburrahman El Shirazy telah menggunakan pandangan orang ketiga “Dia” dalam alur cerita ini dan terdapat tiga latar tempat yang telah digunakan iaitu latar tempat, masa serta sosial. Dalam penggunaan gaya bahasa pula ialah gaya bahasa perbandingan seperti metafora, personafikasi, perumpamaan, hiperbolan dan sebagainya. Kajian ini telah mengemukakan beberapa unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Cinta Suci Zahrana* melalui naratif cerita ini dengan penelitian analisis kualitatif.

Selain itu, Analisis Nilai Religius dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy oleh Mudip Temongmere (2018). Pokok persoalan dalam kajian ini adalah bagaimana nilai religius yang terdapat dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini. Oleh hal yang demikian kajian ini dijalankan berdasarkan penelitian terhadap nilai religius dengan menggunakan teknik analisis seperti menidentifikasikan data, analisis isi, mendeskripsikan, klasifikasi dan menyimpulkan data menerusi pendekatan kaedah kualitatif. Hasil daripada teknik analisis ini kajian ini menemukan empat nilai akhlaq yang digambarkan oleh habiburrahman dalam karyanya seperti akhlaq manusia dengan

tuhan, akhlaq manusia dengan manusia, akhlaq manusia dengan diri sendiri dan akhir sekali akhlaq manusia dengan persekitaran atau alam.

Menerusi kajian oleh Desti Nurhayati (2019), tentang Pesan Dakwah dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy. Kajian ini adalah untuk menukil pesan dakwah yang disampaikan oleh Habiburrahman melalui novel ini. Secara umumnya analisis wacana ini dilakukan berdasarkan penelitian teks atau novel dengan menggambarkan makna pesan dakwah dengan jelas dan sempurna. Pesan dakwah yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah sesuatu pesanan yang disampaikan oleh seseorang sama ada menerusi teks atau lisan supaya dapat menyeru manusia melakukan kebaikan dalam kehidupan mengikut aqidah dan syariat Islam berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Hasil kajian terhadap novel ini mendapati novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy ini banyak memuatkan ayat-ayat suci al-quran dan hadis yang mengangkat pesan Islam kepada umatnya atau pembaca secara amnya. Pesan yang membicarakan tentang kesabaran tokoh wanita iaitu Zahrana dan mengingatkan bahawa jodoh manusia itu milik Allah dan dialah yang menentukan serta menemukan jodoh setiap manusia di muka bumi ini.

Seterusnya, Kohesi pada Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy oleh Ira Yuniati dan Chairunnisa (2018), adalah untuk mengetahui kohesi apa yang boleh digunakan dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini. Penelitian kohesi adalah untuk melihat wacana dalam novel ini yang mampu memberi manfaat dalam pembelajaran penulisan di sekolah. Hasil daripada analisis ini dari awal hingga akhir novel ini berjaya dikenalpasti. Di mana tokoh utama Zahrana ini sabar dan kuat dalam mengharungi kehidupannya, dan halangan-halangan yang dihadapi olehnya sehinggalah dia mendapatkan kerjaya yang baik, cemerlang dalam pendidikan dan hidup bahagia bersama keluarga. Pengharapan penghasilan kajian ini agar makin ramai mahasiswa atau

pelajar dapat mengenalpasti unsur-unsur dan struktur yang terdapat dalam karya sastera bukan sahaja novel malahan prosa-prosa yang ada.

Penghasilan jurnal oleh Nuroini Najmiya Nafisa, Mohammad Kanzunudin dan Mila Roysa (2021) dalam mengkaji Nilai-Nilai Pendidikan dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy. Berdasarkan deskriptif kualitatif pengkaji telah menggunakan pembacaan heuristik dan hermenutik untuk menganalisis data dalam meninjau nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini. Antara nilai yang dapat dikenalpasti seperti nilai agama yang merujuk kepada mengerjakan ibadat kepada Allah, berdoa, berzikir dan bersabar. Selain itu nilai moral dalam novel ini dengan membuat bakti kepada kedua ibu bapa, memiliki sifat pemalu, rendah diri sepertimana yang telah dilakukan oleh Zahrana dan ketiga nilai sosial yang terdapat dalam novel *Cinta Suci Zahrana* adalah tidak sifat diskriminasi, dermawan, dan sahabat yang baik dalam memberi sokongan. Akhir sekali ialah nilai budaya yang terlahirnya dari sifat Zahrana iaitu, percaya pada diri sendiri, mandiri (berdikari), optimistik dan ikhtiar (berusaha). Jelaslah berdasarkan penelitian terhadap nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam kajian ini menerusi pengaplikasian pembacaan heuristik dan hermenutik dapat melengkapkan kajian ini dengan sempurna.

2.5 PENAAKULAN HABIBURRAHMAN EL SHIRAZY

Jurnal Transformasi Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy Menjadi Bentuk Film *Cinta Suci Zahrana*: Sebuah Kajian Ekranisasi oleh Imas Juidah (2018). Tujuan kajian ini adalah untuk menggambarkan proses ekranisasi (transformasi)

dalam aspek pengurangan (pengurangan) dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy kepada bentuk medium visual filem. Di samping itu juga kajian ini ingin melihat proses ekranisasi dalam aspek penambahan serta proses ekranisasi dalam aspek perubahan alur cerita dari novel ke filem. Dalam penghasilan kajian jurnal ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan pemerhatian terhadap teks melalui kata-kata, hikmah yang diungkapkan didalam naskah. Hasil peneliti ini menunjukkan ada perubahan-perubahan yang terjadi dalam filem ini kerana untuk mengikup skop yang bersesuaian dengan filem. Antara perubahan-perubahan yang terjadi adalah pengurangan sebanyak 23 dalam peristiwa, manakala pengurangan atau pengurangan tokoh pulan sebanyak 8 orang. Selain itu, pengurangan aspek variasi pada tokoh atau watak dan latar pula adalah satu perubahan dan dimana berlaku penambahan sebanyak tiga adegan.

Kajian tesis berkisarkan Representasi Ajaran Islam Dalam Novel-Novel Karya Habiburrahman El Shirazy (Kajian Sosiologi Sastra Dan Nilai-Nilai Pendidikan) oleh Siti Isnaniah (2014), kajian ini meneliti representasi ajaran Islam dalam novel-novel karya Habiburrahman El Shirazy dengan mengaplikasikan pendekatan sosiologi sastera dan nilai-nilai pendidikan. Antara novel yang menjadi rujukan ialah *Ayat-ayat Cinta* dan *Ketika Cinta Bertasbih*. Pengkaji mendapati terdapat aspek sosiologi dan budaya serta nilai-nilai pendidikan dalam watak cerita *Ayat-ayat Cinta* dan *Ketika Cinta Bertasbih*. Di samping itu, pengkaji juga telah menggunakan pendekatan pragmatik dan analisis model interaktif. Hasil daripada penelitian menggunakan kaedah ini menunjukkan bahawa novel-novel karya Habiburrahman El Shirazy ini mengandungi ajaran Islam yang tinggi iaitu akidah, syariah dan akhlak. Hal ini dikenalpasti melalui dialog dan hubungan watak-watak yang menghidupkan cerita ini melalui ideologi penulis. Idea ideologi yang

diutarakan oleh Habiburrahman El Shirazy banyak dipengaruhi oleh idea-idea yang berlandaskan Islam.

2.6 PEMIKIRAN FEMINISME DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Wacana Kesetaraan Gender dalam Pemikiran Islam di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri di Indonesia: Kajian Kes di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta oleh Henri Shalahudin (2016). Kajian ini membangkitkan isu yang hangat diperkatakan setiap zaman iaitu kesetaraan gender. Oleh itu kajian ini berfokuskan kepada pemikiran Islam yang mengkaji sejarah kemunculan wacana kesetaraan gender dalam pengajian Islam di UIN Sunan Kalijaga. Hasil analisis yang dilakukan menggunakan bahan rujukan latihan ilmiah mahasiswa tahun akhir serta temubual ketua Pusat Studi Wanita (PSW). Antara metode yang digunakan dalam kajian ini adalah metode dokumentasi, induktif, analisis kritis, temubual dan observasi untuk mengolah makna sebenar wacana kesetaraan gender ini. Keputusan yang terhasil daripada kajian ini menerangkan tujuan wacana kesetaraan ini dibangkitkan di UIN Sunan Kalijaga adalah untuk menghindari daripada sikap diskriminasi terhadap kaum wanita.

Penelitian kajian tentang Dampak Gerakan Feminisme Dalam Perspektif Hukum Islam Kontemporer dilaksanakan oleh Mutmainnah (2018) yang mengupas tentang kesan atau dampak dalam gerakan feminisme dalam perspektif Islam. Hal ini kerana untuk menganalisis tentang kebebasan dan hak-hak terhadap wanita. Menurut pengkaji gerakan feminisme ini tidak menyalahi syariat Islam. Kajian ini dikupas jelas supaya kesan gerakan feminisme menjadi tempat panduan kepada pengkaji- pengkaji atau penggerak

baharu dalam memahami teori ini dengan jelas. Dalam menjawab permasalahan yang menimpa golongan wanita, Hukum Islam Kontemporer menjadi titik pengerak memberikan kesedaran. Feminisme teologi adalah sesuai dengan perspektif hukum Islam (hukum syaria) kontemporer.

Perempuan Dan Feminisme Dalam Perspektif Islam oleh Zulfahani Hasyim (2013). Dalam jurnal ini membahaskan beberapa perkara tentang wanita dalam perspektif islam iaitu wanita sebagai manusia, syubhat seputar penciptaan awal perempuan dan bantahannya, wanita sebagai ibu, kritik Islam terhadap paham feminisme iaitu feminisme liberal serta feminisme radikal dan bagaimana Islam memposisikan perempuan sesuai hak dan kodratnya. Secara umumnya persamaan hak wanita dan lelaki dalam kefahaman feminisme adalah satu perjuangan yang sama dengan konsep hak terhadap wanita dan lelaki dalam perspektif islam. Akan tetapi terdapat perbezaan terhadap feminisme barat, dimana hak pembebasan yang tidak wajar iaitu membolehkan hubungan wanita secara bebas dan lesbian. Oleh hal yang demikian ini bertentangan dengan konsep persamaan hak dalam pegangan Islam.

Menurut Erika Septiana (2013), tentang Feminis dalam Pandangan Islam: Telahan Kitab Risalah Nur ini adalah untuk mengkaji tentang posisi atau kedudukan wanita dalam Islam sepertimana yang dinyatakan dalam kitab Risalah Nur karya Said Nursi. Feminisme adalah satu realiti kemodenan yang terjadi pada dalam perkembangan dunia, namun begitu ini membincangkan pemahaman kedudukan wanita dalam hukum Islam. Sesuai dengan perbincangan ini mengemukakan pemilihan topik berhijab, hal ini kerana berpandukan syariat Islam wanita diwajibkan menutup auratnya. Hal ini kerana wanita dikatakan seorang makhluk yang menjadi tumpuan dalam perjalanan hidupnya, bukan sahaja sebagai kehidupan dalam berumah tangga tetapi juga kehidupan diluar rumah

tangga. Buktinya dalam al quran iaitu an nisa yang membicarakan satutas wanita ini adalah istimewa dan mendapatkan darjat yang mulia.

Perbincangan isu Gender dan Feminisme dalam Islam telah diperdebatkan oleh Heri Junaidi dan Abdul Hadi (2014), yang ingin membantah terhadap isu feminisme ketidakbenaran pandangan masyarakat terhadap gerakan dan konsep feminisme ini. Dalam gerakan ini terdapat pelbagai cara gerakan ini dilakukan untuk menunjukkan anti perbezaan terhadap kaum wanita dan kaum lelaki. Namun begitu perkembangan ini semakin berkembang dimana adanya sekelompok feminisme radikal yang menolak penindasan seperti membakar bra, membolehkan perempuan imankan solat jumaat, membolehkan wanita azan, wanita menjadi gengster-gengster dan akhir sekali tubuhnya gerakan feminis lesbian. Dalam jurnal ini membicarakan secara terperinci mengenai konsep feminisme dan gender yang sebetulnya serta diperbandingkan dengan konsep feminis dan gender realiti.

Menurut Sahrani Adaruddin (2020), tentang Feminisme Perspektif Islam yang menjelaskan maksud feminisme dalam Islam adalah keupayaan untuk melakukan keserataan dan perlakuan yang adil terutamanya terhadap kaum wanita sebagai makhluk Allah SWT. Prinsip yang ingin diperjuangkan oleh feminisme yang permula pada titik ajaran Islam yang sewajarnya. Dalam kitab suci al-quran menjelaskan bahawa golongan lelaki dan golongan wanita adalah makhluk yang dimuliakan oleh Allah SWT dengan cara yang sama. Tidak ada istilah yang membicarakan feminisme dan gender dalam agama Islam kerana ia tidak membezakan kedudukan atau status manusia itu sendiri. Dari perbahasan ini dapat dilihat bahawa feminisme dalam Islam ini adalah cara untuk melakukan kesamarataan dan perlakuan yang seadilnya terhadap kaum wanita. Feminisme tidak dipandang oleh Islam hal ini kerana bertentangan dengan akidah Islam.

Seterusnya, buku berjudul *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah* oleh Andek Masnah Andek Kelawa (2001), dalam buku ini memperjelaskan akan kedudukan kepimpinan wanita dalam pentadbiran tetapi berbeza dengan institusi khalifah. Oleh itu, buku ini serba sedikit menjelaskan pengiktirafan kedudukan wanita dalam syariat Islam sebagai seorang manusia yang mempunyai nilai kemanusiaan, nilai kemuliaan dan keahlian sama seperti kaum lelaki tanpa wujudnya diskriminasi dalam agama Islam. Terdapat beberapa penjelasan yang mengiktirafkan wanita dalam agama Islam iaitu mereka berhak untuk beragama, dihormati serta dihargai sebagai seorang manusia atau individu yang bergelar seorang ibu, isteri atau seorang puteri. Kaum wanita juga diberikan hak untuk mempunyai kebebasan berpendidikan untuk menuntut ilmu pengetahuan, memiliki dan menguruskan harta. Namun begitu, dalam Islam juga terdapat beberapa hukuman yang tertentu, untuk golongan wanita ianya sebagai satu peringatan atau langkah memelihara dan menjaga kebajikan serta kepentingan wanita selaras dengan tuntutan agama Islam.

2.7 IDEOLOGI FEMINISME BARAT

Ni Komang Arie Suwastini (2013), Jurusan Pendidikan Bahasa Inggris Universitas Pendidikan Ganesha Singaraja, Indonesia mengupas mengenai *Perkembangan Feminisme Barat Dari Abad Kedelapan Belas Hingga Postfeminisme: Sebuah Tinjauan Teoretis*. Gerakan feminisme di barat terdapat tiga peringkat dalam usaha mempertahankan hak kaum wanita supaya tidak berlakunya diskriminasi secara berleluasa. Seajar dengan itu juga ini merupakan usaha untuk memperbaiki pemikiran

dan ideologi yang berunsurkan penindasan terhadap golongan wanita. Timbulnya, kesedaran mengenai penindasan terhadap kaum wanita yang kemudian mendorong kepada kemunculannya organisasi untuk membela nasib kaum wanita. Di Inggris, peningkatan jumlah wanita yang bekerja menuntut untuk disediakannya sekolah yang dapat mempersiapkan perempuan sebagai tenaga kerja professional. Peredaran waktu telah mengubah sedikit-sedikit gerakan feminis ini mengikut kesesuaian masa dan keperluan golongan wanita.

2.8 PERBANDINGAN PEMIKIR ISLAM DAN BARAT

Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang telah ditulis oleh Ida Roziana (2018), menerusi kajian Konsep Feminisme Talbiah dalam Karya Aminah Mokhtar. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam menerusi pengaplikasian feminisme Barat dan Islam. Antara karya prosa Aminah Mokhtar yang telah dikaji menerusi pengaplikasian Konsep Feminisme Talbiah iaitu *Ratap Rabiah*, *Diari Seorang Jururawat*, dan *Kumpulan Cerpen Pelamin Embun seperti Akar Cinta*, *Aku Ingin Menjadi Rabiah* dan *Lautan Cintaku*. Berlandaskan Konsep Feminisme Talbiah terhadap penelitian karya Aminah Mokhtar dengan menggunakan pandangan tokoh Elaine Showalter dan Yusuf al-Qardhawi. Hasil penelitian itu juga didapati bahawa ginokratik ini tidak berpegang kepada tauhid dan perwatakan wanita Melayu yang dinyatakan oleh Showalter adalah berbeza. Hasil kajian ini menyatakan pengaplikasian Konsep Feminisme Talbiah terhadap karya Aminah Mokhtar ini berpegang kepada ajaran tauhid. Tambahan lagi, konsep ini amat sesuai untuk diaplikasikan dengan prosa yang

menggunakan perwatakan wanita Melayu Islam. Hal ini kerana Konsep Feminisme Talbiah mengfokuskan kepada ajaran tauhid yang bermaksud menyerah diri kepada Allah SWT secara mutlak.

Menurut Dawam Mahfud, Nafatya Nazmi & Nikmatul Maula (2015), dalam kajiannya bertajuk Relevansi Pemikiran Feminis Muslim Dengan Feminis Barat. Hal ini memperlihatkan kedudukan kaum wanita ini di Barat sangat terkongkong, baik dalam menjalani kehidupan rumah tangga sebagai isteri bahkan yang berkenaan dengan hak kemasyarakatan. Posisi kaum wanita pada saat itu tidak begitu jauh bezanya dengan diperlakukan semena-menanya, pada waktu itulah timbul di benua Eropah gerakan wanita yang dinamakan gerakan emansipasi. Merujuk pengkaji lagi mengikut perspektif Islam feminisme adalah tujuan untuk mengatur kedudukan wanita Islam dan peranan mereka mengikut ajaran Islam yang sebetul-betulnya, bukanlah untuk membaiki keadaan yang telah terjadi pada kaum wanita.

Selanjutnya jurnal tentang Peranan Wanita dalam Islam dan Feminisme Barat yang diolah oleh Hamidah Hanim (2020), tujuan penelitian ini dijalankan kerana untuk mengetahui peranan kaum wanita dan hak wanita dalam perspektif Islam dan Barat. Meskipun begitu, yang sudah kita ketahui secara sahinya dalam Islam bahawa kaum wanita ini dijadikan daripada tulang rusuk kaum lelaki, akan tetapi tidak pula Islam menjelaskan bahawa wanita itu harus berada dibawah lelaki. Oleh itu, diperbincangkan tentang peranan wanita dikatakan sangat penting dan banyak bebanan yang terpaksa dipikul oleh wanita yang sepatutnya menjadi tanggungjawab lelaki. Penelitian kajian ini terhadap emansipasi (pembebasan) perempuan menurut pandangan Islam dan Barat, tinjauan peranan wanita dalam Islam iaitu antaranya sebagai seorang isteri, sebagai ibu, sebagai anggota masyarakat. Selain itu, kajian mengenai perubahan sosial masyarakat dalam pandangan Islam dan emansipasi dalam feminisme. Dalam penelitian ini telah

menjelaskan dalam Islam tidak ada erti pembebasan kerana Islam menempatkan wanita sebagai makhluk yang istimewa dan setaraf dengan kaum lelaki tidak mempunyai perbezaan. Namun begitu, berbeza dengan pandangan Barat yang sentiasan menyemarakkan isu feminisme ini terhadap kaum wanita.

Di samping itu, Perkembangan Teori Feminisme Masa Kini Dan Mendatang serta Kaitannya Dengan Pemikiran Keislaman oleh Ratna Megawangi (1996) yang ingin menyampaikan mesej perkembangan dunia Feminisme dan di perdebatkan dengan pandangan Islam. Menurut pengkaji sukar untuk mencari kelompongan antara keduanya dari segi persamaan dan perbezaan teori Feminisme ini. Apa yang sama adalah dalam membincangkan ideologi patriarki yang negatif kerana ia meletakkan kaum wanita di tempat yang paling bawah. Oleh hal yang demikian, golongan patriarki ini menolak sekuat-kuatnya gerakan feminisme. Dalam isu ini hanya terdapat dua cara iaitu melakukan perubahan eksternal dimana wanita perlu mencampuri dunia lelaki supaya kedudukan dan status wanita sama dengan lelaki. Kedua ialah melakukan perubahan yang evolusioer iaitu dengan menonjolkan kelebihan atau kebolehan waniata dan maskulim. Dengan cara ini dapat mengubah sistem patriarki.

Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu oleh Ungku Maimunah dan Zulkarnain (2013) yang telah membahaskan isu ini didalam bukunya terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku ini ingin membincangkan dalam konteks yang berbeza dimana untuk mengenalpasti kerelevanan teori ini terhadap sastera Melayu dalam konteks tempatan serta keberhasilan dalam menghuraikan menggunakan teks yang berlatarkan agama Islam dan budaya Melayu. Hal ini juga kerana penulis melihat keadaan atau situasi sarjana yang mahir dalam bidang sastera Arab dan Islam sehingga sastera Melayu ketinggalan. Namun, masih ada yang menghasilkan karya sastera kreatif menerusi novel cinta. Dari sudut pandangan lain novel cinta popular yang semakin meningkat ini adalah

terbatas dalam sifat kekayaan tradisi penulisan Islam. Isu ini dipertikaikan kenapa sarjana Melayu mengulas konsep Feminisme ini mengikut perspektif Islam malahan berbeza dengan Barat yang begitu mudah diperolehi sama ada dalam bahasa inggeris atau yang sudah diterjemahkan dalam bahasa Malaysia. Oleh itu lah buku ini diusahakan untuk menangani masalah ini. Di mana ramai pengkaji yang menggunakan teori Barat terhadap teks tempatan.

2.9 KESIMPULAN

Keseluruhan dalam bab ini adalah menyimpulkan tentang kajian-kajian lepas yang telah diolah dalam kajian ini untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam melengkapkan tugas. Di samping itu, adalah untuk menganalisis penggunaan teori terhadap kajian yang dilakukan dapat di seimbangkan dengan apa yang dikaji.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Kajian Metodologi adalah satu perkara yang digunakan untuk mengupas perkara yang sedang dikaji dan dilaksanakan oleh pengkaji. Menurut *The American Heritage Dictionary of English Language* didefinisikan sebagai analisis teoritis mengenai kaedah atau kandungan kaedah yang bersesuaian digunakan. Metodologi ini merujuk kepada alat yang digunakan untuk mendapatkan sumber maklumat dalam kajian. Kaedah ini merupakan cara untuk mendapatkan maklumat dan menyelesaikan masalah dalam melaksanakan kajian. Hal ini demikian kerana untuk mendapatkan maklumat pengkaji perlu menggunakan kaedah seperti proses analisis teks, pengumpulan data dan laman sesawang yang telah dilaksanakan oleh pengkaji mengikut kaedah yang bersesuaian. Berdasarkan kajian M. Zahrul Anam (2019), tentang Nilai Moral Dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy telah menggunakan kaedah kualitatif. Di samping, Mudip Temongmere (2018), turut menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian Analisis Nilai dalam Novel *Cinta Suci Zahrana* Karya Habiburrahman El Shirazy. Antara kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif selalu melibatkan penggunaan teknik dalam pengumpulan data, proses penganalisan data dalam pelaksanaan kajian ini.

3.2 REKA BENTUK

Reka bentuk kajian adalah merupakan satu kaedah yang akan digunakan untuk menentukan kaedah yang besesuaian dalam proses pelaksanaan kajian. Reka bentuk kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif. Pendekatan ini digunakan bertujuan menjawab persoalan dan objektif kajian dijalankan. Berikut adalah pendekatan kaedah kajian yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini:

3.2.1 REKA BENTUK KAJIAN KUALITATIF

Kajian kualitatif merujuk kepada pengumpulan data dalam bentuk teks oleh pengkaji. Erti kata lain, kajian kualitatif merupakan kajian semulajadi tidak mengikut spesifikasi statistik atau sesuatu yang tidak boleh diukur (Schostak, John F., 2002). Kaedah kajian yang dilakukan dalam kajian ini ialah menggunakan resensi buku melalui kaedah kualitatif untuk mengolah maklumat tentang perjuangan wanita dalam mempertahankan hak-hak mereka menerusi novel *Cinta Suci Zahrana*. Penggunaan kaedah kualitatif dalam kajian ini adalah proses pengumpul data yang telah diperolehi daripada bahan yang digunakan seperti rujukan buku, jurnal, tesis dan laman sesawang. Hasil yang diperolehi ini diperolehi boleh dijadikan sebagai bahan panduan atau rujukan dalam kajian ini. Oleh hal itu, pengkaji membeli buku rujukan bagi mendapatkan maklumat dan panduan yang betul dan mengelak daripada berlakunya kesalahan

penyampaian fakta. Data yang penting seperti buku, kamus dan bahan ilmiah turut digunakan oleh pengkaji agar mendapatkan maklumat yang betul.

3.2.1.1 KAEDAH ANALISIS TEKS

Kaedah analisis teks ini adalah kaedah yang menggunakan teks untuk dijadikan sebagai panduan atau rujukan dalam menjalankan penyelidikan ini. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan teks novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman diterbitkan Ar-Risalah Product di Selangor pada tahun 2012. Dalam kajian ini akan memfokuskan kepada aspek perjuangan oleh tokoh wanita. Di samping itu, analisis teks ini juga akan menggunakan teks dari Andek Masnah yang bertajuk *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukan dalam Syariah* terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2001 dan buku dari Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Zulkarnain Mohamed iaitu *Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu*, terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2013. Tujuan penggunaan teks-teks ini adalah sebagai panduan dalam melaksanakan kajian ini dengan mengaplikasikan teori Feminisme dan pandangan dari sudut Islam.

3.2.1.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Penghasilan sebuah kajian itu memerlukan proses mengumpul data untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan. Pengumpulan sesebuah data merupakan satu proses kajian dimana menggunakan kaedah mengumpul data-data dengan teratur untuk menganalisis data. Teknik dalam pengumpulan data ini juga perlu dicatat maklumat yang betul dan berkesan tentang tajuk kajian ini. Di samping itu, kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji pula merupakan kaedah sekunder. Perolahan data sekunder ini merujuk kepada data dari hasil dapatan dari bahan bacaan iaitu buku, jurnal, sumber internet, perpustakaan dan sorotan akhbar. Teknik pengumpulan data sekunder merujuk kepada sumber data yang diperolehi secara tidak langsung. Oleh itu, kajian ini tidak mempunyai proses temu bual dan menggunakan orang sumber dalam penghasilan kajian ini. Penggunaan data sekunder ini juga membolehkan pengkaji memperoleh maklumat lain selain daripada maklumat utama yang diperlukan bagi kajian yang dijalankan. Kajian ini menggunakan data-data yang telah diperolehi daripada buku, jurnal dan sumber internet untuk dijadikan sokongan fakta yang telah dibangkitkan dalam kajian berkaitan dengan aspek perjuangan hak-hak wanita dengan adanya pendekatan feminisme.

3.2.2 PENERAPAN TEORI

Penerapan teori dalam kajian ini adalah sebagai panduan untuk menghasilkan penyelidikan secara terperinci terhadap kajian yang dijalankan. Oleh itu, teori digunakan untuk mengkritik kajian yang dijalankan dan mengeluarkan fakta-fakta untuk mengetengahkan atau menjelaskan perkara-perkara yang belum terjawab dalam kajian yang sedia ada telah dilakukan oleh pangkaji-pengkaji. Oleh hal yang demikian, kerangka teori dalam kajian ini untuk menggambarkan secara keseluruhan tentang kajian yang dijalankan. Oleh itu, dalam kajian ini akan menggunakan teori feminis untuk mengarpakan dan mengolah objektif dan persoalan kajian ini.

3.2.2.1 FEMINISME BARAT

Teori Feiminisme adalah kecenderungan terhadap perihal wanita iaitu tentang berkaitan dengan penindasan terhadap kaum wanita yang berlaku di barat iaitu dikenali sebagai gerakan feminisme yang perjuangkan hak-hak wanita. Ideologi terhadap gerakan feminisme ini berbeza mengikut perspektif Islam dan barat, namun masih mempunyai tujuan yang sama dalam pembelaan terhadap kaum wanita. Ia juga adalah untuk memberi kebebasan yang setiap wanita inginkan dalam melangsungkan kehidupan peribadinya, maka terhasillah teks-teks berbentuk perjuangan wanita untuk memberi kesedaran kepada kaum wanita supaya tidak menjadi kaum yang lemah seperti buku *Vidication of the Light of Women* pada tahun 1792 oleh Mary Wollstnecraft. Oleh itu, kemunculan ideologi atau

pemikiran dalam pembentukan teori ini adalah bertujuan untuk meneliti aspek yang terdapat di dalam teks. Menurut kajian Mana Sikana (1998) penghasilan teori ini adalah satu bidang untuk merealisasikan pemahaman ideologi, konsep, prinsip dan sebagainya. Oleh itu kecenderungan terhadap kemahaman teks adalah dengan memberikan hujahan, tanggapan, kritikan an andaian terhadap sesuatu perkara atau situasi yang terjadi disekeliling mereka.

Kemunculan Feminisme di Barat pada 1960 dengan kebangkitan gerakan wanita adalah untuk menentang diskriminasi terhadap wanita. Terjadinya isu diskriminasi terhadap wanita pertama dalam penulisan dan kedua adalah peranan wanita ditentukan oleh lelaki. Sarjana Virginia Woolf dari Inggeris dan Simone de Beauvoir dari Perancis telah membangkitkan diskriminasi terhadap wanita dalam bidang politik, ekonomi, sosial serata kerjaya. Wanita tidak diberikan hak untuk mendapatkan pendidikan, peluang pekerjaan dan kemudahan kerana semua itu di monopoli oleh kaum lelaki. Malahan terbukti lagi apabila dalam penulisan sastera ramai penulis lelaki jika dibandingkan wanita, tambahan lagi jika ada penulis wanita mereka terpaksa menggunakan nama lelaki sebagai samaran. Menurut Simone de Beauvoir peranan, kedudukan dan ciri wanita semuanya ditentukan oleh kaum lelaki mengikut pandangan mereka.

Oleh hal yang demikian, isu ini telah dibangkitkan oleh feminisme terhadap diskriminasi yang dilembarkan terhadap kaum wanita. Namun oleh itu lahirnya tokoh-tokoh wanita yang ingin menentang gambaran wanita yang jelas tidak benar. Antaranya Elaine Showalter dari Amerika Syarikat yang menangkat dua bentuk pendekatan kritikan feminis dan ginokritik feminis. Kritikan feminis wanita sebagai pembaca karya-karya yang dihasilkan oleh lelaki meskipun gambaran watak-watak wanita masih lagi digambarkan oleh lelaki. Kedua ialah karya-karya yang dihasilkan oleh wanita menjadi fokus penting, di mana dengan menerima wanita sebagai pengarang dan semua digarap

atau diolah oleh wanita. Manakala menerusi ginokratik tidak memberi ruang kepada karya lelaki keana mereka menganggap lelaki tidak memahami wanita, oleh itu penulisan mereka terhadap wanita tidak benar. Namun begitu, menurut Showalter (1979) kritikan feminis bukan sahaja milik wanita, oleh itu kritikan feminis mula dipenuhi dengan pengkritik lelaki terutamanya kritikan feminis terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh lelaki.

Justeru itu, dapat kita lihat paa hari ini ramai penulis lelaki yang telah menggambarkan watak-watak wanita dalam karyanya seperti Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Habiburrahman El- Shirazy dan lain-lain. Oleh itu kajain ini akan membuat penelitian terhadap novel *Cinta Suci Zahrana* (2012) karya Habiburrahman El Shirazy ini adalah mengandungi aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu perihal tentang wanita. Dengan kata lain perjuangan wanita yang digambarkan dalam novel ini yang digambarkan melalui watak Zahrana yang membawa perwatakan wanita yang tabah dan gigih dalam memperjuangkan kehidupannya sebagai wanita yang berjaya. Antaranya dalam aspek pendidikan, aspek pekerjaan, aspek emosi, aspek sosial dan aspek kekeluargaan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembawakan watak yang menonjolkan bagaimana wanita dalam novel ini menjalani kehidupan yang diingini atau pembebasan dalam melakukan semua perkara yang sama seperti kaum lelaki lakukan. Hal ini adalah untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa wanita juga boleh berjaya jika mereka diberikan ruang dan peluang dalam mencapai maklumat dan mencari identiti atau kemahiran yang terdapat dalam diri mereka. Bukan sahaja bila disebut sebagai wanita mereka perlu menguruskan hal rumah tangga semata-mata. Walau bagaimanapun, pengkaji ingin melihat apa yang dilakukan oleh wanita dalam memperjuangkan hidup mereka dengan meneliti menggunakan pendekatan Feminisme.

3.2.2.2 KEDUDUKAN WANITA DALAM ISLAM

Dalam Islam kedudukan wanita telah ditetapkan oleh Allah bahawa wanita ini sejak awal penciptaan mereka adalah sama dengan laki-laki, kerana mereka tidak ada perbezaan. Malahan Islam juga telah menetapkan wanita juga berhak memiliki hak dan kewajiban yang sama dengan lelaki. Namun begitu, Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2013), menjelaskan tentang wanita Islam dahulu bahawa diskriminasi wujud sama seperti di Barat iaitu penindasan terhadap wanita Islam terjadi kerana sistem sosial. Wujudnya penindasan terhadap wanita ini kerana sifat wanita itu adalah lemah dan berhak di atur oleh lelaki. Oleh itu wanita dianggap sebagai alat warisan dimana wanita dijadikan mangsa pelacuran atau penzinaan. Selepas kedatangan Islam abad keenam, wanita telah mendapatkan hak dan status yang sewajarnya sama seperti kaum lelaki.

Kedudukan wanita diperincikan dalam ajaran Islam, malahan mendapat penentuan hak, pembelaan dan hukuman yang tertulis dengan jelas dalam al-Quran dan Hadis. Antara hak-hak yang diberikan oleh Islam kepada kaum wanita ialah hak beragama dan beribadah, hak perseorangan, hak menuntut ilmu, hak memiliki harta, hak dalam perkahwinan dan sebagainya. Jelas menunjukkan bahawa Islam memberi penekanan yang serius kepada golongan wanita. Dalam al-Quran dan hadis sudah menerangkan tentang sumber perundangan dan perlembagaan tentang wanita sejak dahulu lagi. Islam telah mendahului Barat dalam menangani isu wanita atau isu pembebasan wanita dalam kedudukan yang kedua selepas kaum lelaki.

Tambahan lagi, dalam al-Quran dan hadis tidak ada diskriminasi sama sekali terhadap manusia yang dilahirkan sebagai manusia. Malahan keadilan terhadap wanita


dibuktikan dalam ayat al-Quran surah al-Hujurut, ayat 13 yang menyimpulkan bahawa manusia yang dimuliakan di sisi Allah SWT ialah mereka yang bertakwa tidak kira jantina mereka. Walau bagaimanapun dalam al-quran memperakui terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita dari sudut kejadian dan fitrahnya. Justeru itu, dalam Islam Feminisme berbeza dengan pemahaman di Barat. Hal ini dikatakan demikian kerana feminisme dalam Islam berkaitan dengan hubungan antara manusia dan hubungan antara manusia dan pencipta Allah SWT yang berlandaskan kesahihan al-Quran dan hadis. Al- Quran diturunkan kepada umat manusia supaya manusia itu memiliki nilai kemanusiaan, nilai moral dan nilai ketaatan manusia sesama manusia. Malahan tidak dibenarkan manusia untuk menempatkan darjat wanita ditempat yang rendah dan dianggap sebagai kelas kedua atau bawahan. Dapat kita lihat banyak surah al-Quran telah mengangkat darjat dan memuji wanita seperti sebagai seorang steri, ibu, anak dan anggota masyarakat. Tidak wujud diskriminasi dalam islam untuk membezakan peranan antara lelaki dan wanita.

Dalam kajian ini pemilihan novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy ini dapat kita lihat penulis ini mengangkat wanita Islam dalam memperjuangkan hak-haknya menerusi aspek pendidikan, aspek pekerjaan, aspek moral, aspek kekeluargaan dan aspek sosial. Watak wanita utama iaitu Zahrana meraih dirinya dalam kejayaan pendidikan dan mendapat penghargaan dari pelbagai pihak di serata negara. Zahrana berhak mendapat pendidikan yang sama seperti lelaki dan memperolehi biasiswa dalam pelajaran serta berjaya dalam akademik. Penulis dari Indonesia ini telah membangkitkan feminisme yang seadilnya dalam Islam tidak ada percanggahan yang terjadi. Namun begitu, terselit pemikiran yang kuno dalam perwatakan ibu bapa Zahrana iaitu Pak Munajat dan Bu Nuriayah yang menghalang tindakan anaknya itu disebabkan faktor usia Zahrana dan juga ingin anaknya mendirikan rumah tangga dan memiliki cucu.


Oleh itu, kajian ini akan memperlihatkan pandangan dari perspektif Islam juga supaya dapat kita lihat lebih jauh dalam isu feminisme ini.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

3.2.3 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka Konseptual dapat memberikan gambaran yang jelas untuk keseluruhan dan kaedah untuk mencapai objektif kajian.

Isu Wanita Dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy: Kajian Perbandingan Feminisme Barat Dan Islam

Objektif Kajian

1. Mengkaji aspek perjuangan tokoh Wanita dalam novel Cinta Suci Zahrana karya Habiburrahman El Shirazy.
2. Mengenal pasti pendekatan Elaine Showalter dalam Feminisme.
3. Menganalisis tentang Feminisme barat dan berbezaan dalam sudut pandangan Islam secara meluas.

Reka Bentuk Kajian

Kaedah Kualitatif

Analisis teks, pengumpulan data, perpustakaan, internet dan buku.

Pendekatan Teori Ginokritik

- Penulis Wanita dan Biologi Wanita
- Penulis Wanita dan Bahasa Wanita
- Penulis Wanita dan Pasikologi Wanita
- Penulis Wanita dan Budaya

Feminisme Barat dan Islam

Feminisme Barat

- Liberal
- Marxis
- Sosialis
- Radikal
- Psikoanalisis
- Eksistensialis

Pandangan Islam

- Aspek Ekonomi
- Aspek politik
- Aspek Pendidikan

Hasil Kajian

Aspek perjuangan wanita dalam novel Cinta Suci Zahrana dengan mengaplikasikan teori ginokritik. Perbandingan Feminisme Barat dan Pandangan Islam.

3.3 KESIMPULAN

Kesimpulanya, kajian dalam bab ini adalah untuk terperinci mengenai rekabentuk kajian iaitu menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah analisis teks, kaedah pengumpulan data dan kaedah laman sesawang serta penerapan teori. Selain itu, medologi kajian ini sangat penting dalam sesebuah penyelidikan kerana ia adalah gambaran menyeluruh terhadap kaedah yang akan digunakan dalam menganalisis data. Seterusnya, metodologi kajian juga dijadikan sebagai rujukan atau panduan kepada pengkaji dalam menghasilkan sesebuah kajian. Di samping itu, pengkaji telah mengklafikasikan pendekatan feminisme Barat dan Islam dalam kajian ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang dapatan kajian kerana bahagian dapatan kajian memainkan peranan sangat penting kerana segala dapatan kajian akan dianalisis dalam bab ini bagi menjawab persoalan objektif yang dikemukakan dalam bab satu. Penghasilan dapatan kajian ini adalah analisis terhadap perbincangan yang telah dikaji. Menurut Cresswell (2010) dapatan kajian adalah laporan yang melibatkan analisis terhadap kajian yang dijalankan berkaitan dengan permasalahan kajian, mengenalpasti kajian dan menganalisis data yang dikumpul untuk dijadikan satu perbincangan atau kajian lengkap. Oleh hal yang demikian, dalam bab ini pengkaji akan menganalisis beberapa permasalahan yang akan diketengahkan dalam kajian ini untuk mengkaji aspek perjuangan tokoh wanita dalam novel yang dikaji untuk menegakkan hak-hak kaum wanita, mengenalpasti pendekatan Feminisme oleh Elaine Showalter ini dapat memperjuangkan hak kaum wanita sepenuhnya dan menganalisis tentang Feminisme Barat dan perbezaan dalam sudut pandangan Islam secara meluas. Selain itu, kajian ini dilakukan adalah untuk memperlihatkan ideologi yang mencari pembebasan terhadap penindasan kaum wanita.

4.2 ASPEK PERJUANGAN WANITA DALAM NOVEL CINTA SUCI ZAHRANA

Dalam kajian ini pengkaji akan menyentuh tentang aspek perjuangan dan hak diperjuangkan golongan wanita adalah satu perkara yang wajar diketengahkan bagi menegakkan keadilan hak sama rata golongan lelaki dan wanita diatas muka bumi ini. Oleh hal itu, pada hari ini dapat kita lihat ramai tokoh-tokoh wanita yang hebat bukan sahaja dalam aspek sosial malahan dalam aspek politik dan ekonomi yang bangkit untuk menyuarakan isu kesamarataan hak. Hal ini kerana golongan wanita sudah mula mengorak langkah dengan pemikiran baru dengan menjadi individuisme dan intelektualisme. Perjuangan mereka bukanlah untuk berada lebih tinggi dari golongan lelaki tetapi ingin mengambil tempat yang selayaknya sebagai hak wanita. Dalam kajian ini pengkaji akan mengemukakan beberapa aspek perjuangan seperti aspek perjuangan dari segi pendidikan, pekerjaan, kekeluargaan, emosi dan sosial.

4.2.1 ASPEK PENDIDIKAN

Pendidikan adalah satu aspek yang penting dan amat dititikberatkan oleh masyarakat. Menurut Vaizey (1967), *"Education is important, therefore, not only to help our children, to give them better lives, to improve the society in which we live, to enable this country to go forward paying its way and competing internationally; but it is essential if we are to survive in a changing, technical and scientific age"*. Hal ini dikatakan

demikian kerana pendidikan adalah satu cabang yang penting dalam mempengaruhi ketamadunan sesebuah bangsa. Untuk membentuk perilaku yang baik, sikap yang berani dan juga amalan budi pekerti perlu melalui satu proses pendidikan menurut Hamka.

Pendidikan adalah proses untuk manusia menambah ilmu pengetahuan dan juga menerap nilai-nilai untuk berkembang dalam sistem kehidupan dalam jangka masa yang panjang. Ia juga adalah satu sistem yang akan berlaku sepanjang hidup manusia. Sepertimana yang kita ketahui sistem pendidikan ini mempunyai fasa yang berperingkat sejak dari kanak-kanak hinggalah peringkat dewasa. Proses pendidikan ini boleh terjadi dalam kehidupan manusia sama ada secara formal ataupun tidak formal. Menerusi konteks kajian ini pengkaji ingin mengetengahkan aspek perjuangan tokoh wanita melalui pendidikan. Perjuangan yang di maksudkan ialah halangan yang dihadapi oleh watak utama dalam cerita Cinta Suci Zahrana dalam melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Penulisan Habiburrahman El Shirazy telah menggarapkan wanita seorang wanita yang gigih dalam mencapai setiap cita-cita yang diinginkan sepertimana beliau gigih berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahirannya dalam Jurusan Seni Bina dan Kejuruteraan Awam sehingga penulिसannya diterima diperingkat antarabangsa serta mendapat penghargaan.

Permasalahan yang dapat dilihat dalam novel ini Cinta Suci Zahrana ini ialah melalui sikap masyarakat yang kurang memberi sokongan kepada anak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Masyarakat perlu mengetahui bahawa dengan Pendidikan sosial dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia. Pendefinisian bagi sesebuah pendidikan adalah dengan mendidik seseorang manusia sejak kecil lagi agar menjadi kebiasaan kepada mereka dalam menjalankan perilaku sosial yang baik dan memiliki nilai, malahan dasar-dasar kejiwaan mulia yang bersumberkan aqidah dan sebuah keimanan yang mendalam menurut Nashih Ulwan. Hal ini dikatakan

sedemikian kerana masyarakat mampu berkelakuan yang sopan, memiliki kematangan akal malah tindakan yang rasional. Ibu bapa perlu menyedari bahawa kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan kerana ilmu tunggak kehidupan seseorang manusia. Walau bagaimanapun, terdapat juga khalayak yang memandang remeh mengenai pendidikan dan ilmu, malah tidak berusaha untuk mempelajari ilmu dengan lebih mendalam sedangkan ilmu merupakan cahaya buat kehidupan kita. Menerusi isu pendidikan ini juga, kebanyakan daripada mereka kurang mendapat bantuan untuk menyambung pelajaran ke peringkat menengah dan universiti. Oleh sebab itu juga masalah sebeginilah yang boleh merencatkan pembelajaran seseorang pelajar meskipun pelajar tersebut seorang yang pintar. Terdapat banyak persoalan sebegini yang sering kali dikemukakan oleh para pengarang ataupun novelis adalah berkaitan aspek perhubungan manusia. Perkara ini kadang kalanya boleh merangkumi aspek dalaman serta luaran yang dihadapi oleh manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Kebiasaannya, para pengarang dan penulis akan memberi penekanan terhadap aspek psikologi serta mencari permasalahan ataupun konflik dalaman dalam watak dan perwatakan. Manakala dalam teks Cinta Suci Zahrana ini dapat kita lihat kegigihan seorang wanita yang bertungkus lumus dalam pelajaran untuk mendapat tempat yang baik dalam bidang pendidikan. Malahan beliau juga lulus cemerlang dan layak untuk mendapatkan peluang yang bidang yang diinginkan seperti petikan teks dibawah:

Tiga tahun di SMA dia selesaikan dengan baik. Dia lulus dengan nilai ujian akhir tertinggi di sekolahnya. Keinginannya adalah memasuki Fakultas Kedokteran UI, UGM, UNDIP atau UNS. Dia utarakan pada kedua orang tuanya. Ibunya sangat bersemangat mendengarnya.

"Wah bang, kalau Rana jadi doktor mulia kita Pak. Oh buhagianya kalau ada anak doktor." Mata ibunya berbinar- hinar.

Tetapi ayahnya menanggapi dengan dingin, "Senang-senang, tak fikir biayanya dari mana! Mbok yo uteke dienggo ojo perasaanne wae sing dienggo!"

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 11)

Selain itu, permasalahan yang dapat diketengahkan oleh pengkaji menerusi perjuangan wanita ialah berkaitan corak pemikiran seseorang yang ingin menjatuh semangat orang. Sebagai seorang sahabat atau masyarakat yang berpendidikan mereka perlu cakna tentang persekitaran mereka serta perlu tahu kepentingan dalam pendidikan. Tindakan sebegini bersangkutan dengan perasaan dan juga emosi. Malahan tindakan sebegini juga boleh menjatuhkan semangat seseorang untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Masyarakat yang bersikap negatif ini sudah tentu melambangkan pemikiran dan identiti mereka seorang yang kurang sopan dan tidak berpendidikan. Oleh sebab itu, aspek pendidikan perlu ditekankan bagi menelusuri nilai yang baik dan berpengetahuan dalam pelbagai perkara dalam diri seseorang. Selain pengkaji mengenal pasti masalah perjuangan seorang tokoh wanita, pengkaji juga ingin menyentuh sikap masyarakat atau watak yang hadir dalam penulisan yang berkaitan dengan isu pendidikan menerusi novel ini. Secara tidak langsung masyarakat perlu menyedari bahawa pendidikan amat penting dan menjadi keutamaan bagi setiap insan yang bernayawa. Perkara ini disebabkan individu yang berilmu sudah tentu akan dihormati dan disanjung. Tambahan pula, menjadikan seseorang itu mampu memberikan

impak yang positif kepada masyarakat dan juga negara. Oleh itu, setiap masyarakat perlulah berfikiran rasional dan terbuka dalam perilaku dan tutur kata. Kadangkala, seseorang itu boleh mengalami konflik jiwa akibat dari pertuturan yang tidak sewajarnya dituturkan. Jelaslah disini dapat kita lihat perjuangan seseorang wanita dalam apa jua aspek sangatlah mencabar dengan persekitaran yang negatif terhadap kemampuan seorang wanita seperti contoh teks berikut:

Dia masih ingat, saat ini teman-temannya yang tahu dia melakukan perkara itu, kuliah di dua jurusan yang berbeza, di universiti yang berbeza, dia dianggap gila. “Sepintar- pintar kamu, kamu tidak akan mampu menyelesaikan sarjana muda kamu di jurusan Seni Bina dan Kejuruteraan Awam dengan baik. Nanti kuliah kamu lebih kacau,” kata seorang temannya. Tetapi dengan kesungguhan dan kerja kerasnya, perkara yang dianggap gila oleh temannya itu dapat dia lalui dengan baik. Sebab untuk mata kuliah sama dia cukup menyelesaikan di UGM, di universiti swasta tidak perlu dia ambil lagi. Dia hanya perlu membawa transkripnya dari UGM ke universiti itu. Jadi dia hanya perlu menyelesaikan mata kuliah yang tidak ada di jurusan Seni bina. Dan dia berjaya.

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 14-15)

Dalam perbincangan yang seterusnya mengenai perjuangan tokoh wanita dalam aspek pendidikan dapat kita lihat usaha watak Zahrana dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman ini sangat menakjubkan kerana kegigihannya dalam mencapai apa jua cita-citanya meskipun beliau tidak mampu untuk ke luar negara melanjutkan

pengajian. Tetapi beliau membuktikan dengan melanjutkan pengajian dalam negeri juga mampu setaraf dengan luar negara. Masyarakat perlu ketahui dalam proses pendidikan ini adalah bertujuan untuk mengembangkan lagi pengetahuan dan kemahiran seseorang individu tidak kiralah dimana ia melanjutkan pelajaran tetapi bagaimana untuk ia memanfaatkan ilmu yang perolehi supaya dapat memberikan manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat. Tambahan pula sikap berusaha perlu ada dalam diri setiap individu. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia juga dapat dilihat menerusi sudut bahasa, pemikiran tamadun manusia dan budaya, kajian ini merujuk Howard Gardner (1983) melalui konsep beliau iaitu Multiple Intelligence. Novel *Cinta Suci Zahrana* ini menampilkan kepintaran yang terdapat dalam penampilan watak-watak yang beraksi dalam penulisan ini dengan kepintaran dan kecemerlangan dalam pelajaran dan juga sahsiah diri. Namun begitu, perlu kita ketahui kelahiran seseorang insan itu juga tidak semestinya di lahirkan semuanya dikurniakan otak yang pintar, cepat bertindak dan cergas. Ada juga segelintarnya mempunyai masalah kelembatan dalam proses tumbesaran, percakapan, pembelajaran dan sebagainya. Akan tetapi sikap berusaha itu perlu ada dalam diri supaya dapat menimba ilmu dengan kemampuan yang kita ada. Perkara ini jelas sekiranya kita perhatikan menerusi watak Zahrana yang rajin berusaha untuk membuktikan bahawa wanita juga mampu melangkah ke peringkat yang lebih tinggi dengan adanya tekad serta usaha. Hal ini dapat dibuktikan pada contoh petikan berikut:

Bagaimana kamu menghabiskan waktumu itu jauh lebih penting daripada bagaimana kamu menghabiskan wangmu. Kekeliruan soal wang mudah dibetulkan tetapi begitu kehilangan waktu maka hilanglah modal hidup, hilanglah segalanya. Itu adalah nasihat pembimbing tesisnya ketika menyelesaikan sarjana

muda, Si pembimbing memintanya untuk fokus. “Konsentrasi yang terfokus adalah salah satu kunci sukses.” Ucapan pembimbingnya itu sangat membekas. Sehingga ketika dia mulai kuliah di ITB, dia curahkan sepenuhnya untuk fokus menyelesaikan Master-nya dengan pencapaian terbaik. Dia menganggap ITB adalah ganti Delft University of Technology. Maka selain mengejar pencapaian terbaik di kampus, dia juga dapat menguasai Bahasa Inggeris sama seperti mereka yang mengambil Master di Eropah.

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 21)

4.2.2 ASPEK PEKERJAAN

Skop pekerjaan adalah satu aspek yang sangat penting dalam kehidupan. Melalui pekerjaan masyarakat dapat menjana pendapatan, menampung kos perbelanjaan harian, menampung keluarga dan sebagainya. Erti kata lain, pekerjaan adalah satu badan yang berusaha untuk menguruskan organisasi sumber manusia dengan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki. Dalam mendalami aspek perjuangan tokoh wanita dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini pengkaji memilih untuk memperincikan atau membincangkan masalah yang dihadapi oleh kaum hawa dalam bidang pekerjaan. Sepertimana yang kita ketahui dalam bidang pekerjaan banyak cabaran yang perlu hadapi oleh masyarakat, ada naik dan turun dalam proses menjalankan tugas. Kadang kalanya perlu menghadapi ketua-ketua atau pengurusan pejabat yang suka bertindak sesuka hati. Ada kalanya salah menggunakan kuasa yang telah diamanahkan dalam menjalankan tugas. Perkara sebegini

tidak dapat ditafsirkan oleh seseorang sebelum ia bekerja atau bertugas dibawah satu organisasi atau dibawah satu bumbung. Tambahan itu, dalam sektor pekerjaan juga terdapat satu takrifan yang kurang disenangi oleh ramai pihak terutamanya golongan bawah atau yang diperintah. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka yang berpangkat rendah selalunya akan di perlekehkan dan diperlakukan sesuka hati terutamanya golongan yang lemah seperti wanita. Dalam kajian ini pengkaji akan memperincikan perjuangan tokoh wanita iaitu Zahrana dalam aspek pekerjaan. Meskipun Zahrana dituliskan perwatakan seorang wanita yang pintar dan berpendidikan tinggi, namun beliau tetapi tergolong dalam status golongan yang diperintah. Selain itu, dapat juga kita lihat Zahrana juga telah berkorban untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih cerah di luar negara tetapi atas bantahan oleh keluarga beliau akur untuk pekerja berdekatan dengan halamannya supaya tidak meninggal jauh daripada kedua ibu bapanya yang sudah tua.

Secara logikalnya setiap orang mengimpikan peluang pekerjaan yang baik dan berpangkat tinggi untuk memenuhi kehendak dan keperluan masing-masing. Di samping itu untuk membuktikan kepada ibubapa mereka akan kerjaya yang diperolehi setelah berusaha dan bertungkus lumus dalam pelajaran. Kepintaran pengarang dalam mengoleh cerita menampakkan realiti kehidupan masyarakat sebenar. Meskipun ada pendidikan yang tinggi dan mendapat peluang untuk bekerja di tempat yang lebih baik tetapi tidak dapat melaksanakannya disebabkan pilihan keluarga. Dalam karya ini juga menekankan bahawa kedua ibu bapa Zahrana tidak mengalakan anaknya untuk bekerja jauh kerana anaknya seorang wanita dan anak tunggal mereka. Hal ini demikian kerana ibu bapa Zahrana tidak menginginkan anaknya untuk mengejar nama atau kehormatan untuk mereka dihormati tetapi mereka ingin Zahrana untuk berada di samping mereka. Pada pandangan saya ini merupakan satu cabaran untuk anak perempuan dan tunggal dalam keluarga dalam meneruskan cita-citanya untuk berjaya dan meneruskan langkah untuk ke

peringkat yang lebih baik. Meskipun kita tahu akan tanggungjawab seorang anak terhadap kedua-dua orang tua tetapi dalam mengejar impian juga amat penting dalam menghargai keberhasilan tungkus-lumus dalam pelajaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik. Namun begitu, tidak di tangkas juga kepintaran penulis dalam mengolah cerita bagi memastikan pembaca dapat melihat realiti kehidupan yang sebenarnya terjadi di sekeliling mereka berdasarkan contoh petikan teks dibawah:

Dua bulan setelah dia diijazahkan dia mendapat panggilan dari UGM untuk ikut mengajar. Dia ditawarkan menjadi penolong pensyarah. Dia terus berjumpa Dekan Fakulti Kejuruteraan. Dari Dekan dia mendapat penjelasan bahawa dia dilatihkan untuk menjadi pensyarah dan akan dihantar ke Belanda untuk mengambil Master, itu jika dia bersetuju. Dia terus menjawab prinsipnya dia bersetuju, hanya dia perlu bermusyawarah dengan kedua orang tuanya. Dia keluar dari pejabat Dekan dengan hati berbunga bunga. Dia seperti melayang. Dunia terasa begitu indah. Dia akan jadi pensyarah UGM, tanpa perlu memohon, tetapi dia yang dipohon. Dan dia akan disekolahkan ke *Delft University of Technology, Belanda*. Oh, alangkah indahnya.

(Cinta Suci Zahrana, 2012: 17)

Seterusnya, dapat kita ketengahkan isu pekerjaan dan perasaan yang sering terjadi tetapi tidak pernah dilihat atau diketahui masyarakat. Oleh kerana tindakan segelintir masyarakat yang tidak sopan dan tidak amanah dalam bekerja suka melakukan sesuatu mengikut kehendak hati sehingga memusnahkan kerjaya orang lain. Sikap masyarakat

yang tidak bertanggungjawab dan suka menggunakan pangkat untuk kepentingan diri sendiri wujud dalam realiti kehidupan sepertimana yang telah digarap oleh penulis karya *Cinta Suci Zahrana* ini dengan mengaplikasikan sikap manusia yang tidak telus dalam pekerjaan. Zahrana dijadikan watak yang tertindas oleh golongan atasan yang hanya pentingkan diri dan melibatkan soal peribadi dalam pekerjaan. Tindakan sebegini dianggap tidak profesional kerana melanggar etika dalam bekerja. Zahrana terpaksa berhenti mengajar di universiti kerana takut dengan ancaman dekan iaitu Pak Karman terhadapnya kerana telah menolak pinangan Pak Karman. Penulis telah menghidupkan perwatakan antagonis melalui watak Pak Karman yang merupakan dekan yang disifatkan tidak amanah dan telus dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang pekerja berkelas atasan. Pak Karman hanyalah memanfaatkan orang bawahannya untuk kepentingan diri sendiri sepertimana ia menggunakan Bu Merlin iaitu penolong dekan untuk melakukan tugas peribadinya seperti melamar Zahrana ke rumah ketika Zahrana ke luar Bandar. Hal sebegini mengancam keselamatan untuk kaum hawa seperti Zahrana. Oleh hal yang demikian, untuk memastikan keselamtannya terjamin beliau terpaksa berhenti bekerja supaya nyawanya tidak terancam seperti contoh petikan dibawah:

“Zahrana, kamu ternyata tidak tahu benar peta politik kampus. Tidak tahu benar siapa Pak Karman. Jika kau nekad itu ibarat ulo marani gitik. Ibarat ular mendekati untuk dipukul sampai mati. Mundurlah dulu. Bertenanglah sementara waktu. Ini yang kulihat baik untukmu. Aku berjanji suatu saat nanti jika aku ada kemampuan, kamu akan saya tarik lagi ke kampus. Kali ini percayalah padaku. Aku tidak rela sebaik kamu dibuli sewenang-wenangan yang sudah aku cium dari sekarang. Kau pensyarah yang berprestasi dan menerima banyak penghargaan akan mudah

bagimu diterima di tempat lain. Benar Rana, aku tidak punya tujuan apa-apa selain kebaikanmu.”

(Cinta Suci Zahrana, 2012: 196-197)

4.2.3 ASPEK KEKELUARGAAN

Dalam membincangkan mengenai aspek perjuangan seorang wanita tidak lari dari konflik kekeluargaan. Oleh itu, pengkaji mengangkat aspek kekeluargaan untuk diperbincangkan dalam kajian ini. Jika melibatkan perjuangan dalam aspek kekeluargaan tidak hanya melibatkan wanita malahan ia melibatkan masyarakat juga. Namun begitu, berdasarkan tajuk kajian pengkaji akan membincangkan aspek kekeluargaan ini dalam konteks perjuangan seorang wanita dalam menjaga kehormatan dan kesejahteraan keluarganya. Dalam teks-teks Melayu banyak menyentuh tentang kekeluargaan kerana dalam perkembangan kesusasteraan inilah tidak lari daripada konteks kekeluargaan ataupun masyarakat yang telah memberi pendidikan kehidupan manusia sejak sekian lama dari sudut nilai dan pengajaran. Khalayak menerima kehadiran sastera dalam konteks ini untuk menjadi cerminan kehidupan melalui pembacaan yang terdapat pada karya-karya sastera. Menurut pengkaji seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Muhammad Haji Salleh merupakan tokoh yang gigih mentafsirkan makna keindahan dalam kesusasteraan. Penghasilan cerita akan merasai nilai estetika itu yang tenang dan damai apabila hasil sesuatu cerita atau karyanya dapat menyentuh perasaan penulis dan pembaca dari segi ceritanya mahupun aspek-aspek penulisannya. Bagi mereka dengan membaca karya sastera yang mempamerkan keindahan akan merasakan satu kepuasan

yang tidak dapat digambarkan oleh pembaca itu sendiri. Oleh itu, dalam sastera sendiri memberi makna kesusasteraan itu sendiri mencerminkan nilai estetika yang ada dalam sesebuah karya sepertimana yang tercermin baik dalam sistem imej mahupun dalam susun kata. Sama seperti nilai kekeluargaan, sejauhmanapun hasrat kita untuk berjaya keutamaan keluarga adalah penting. Hal ini dapat kita lihat melalui watak Zahrana yang amat menitik beratkan keluarga meskipun perlu mengabaikan hasratnya.

Permasalahan yang terdapat kita lihat dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy ini, antaranya adalah pemikiran masyarakat yang memilih pendidikan agama berbanding dengan pendidikan sekolah biasa. Terdapat segelintir ibu bapa yang berpandangan agak kolot kerana bagi mereka menganggap persekolahan biasa tidak menitikberatkan keagamaan atau kerohanian dalam diri. Kebanyakan ibu bapa hanya mengambil enteng perihal sebegini kerana tanggapan mereka ilmu agama lebih penting berbanding ilmu dunia. Walhal ilmu naqli dan ilmu aqil perlu di seimbangkan seperti dari segi emosi, rohani, jasmani dan intelektual supaya dapat membina kehidupan yang universal. Hal ini dikatakan demikian, kerana ada ibu bapa yang tidak terdedah dengan pengetahuan sebegini dan bagi mereka ilmu itu hanyalah ilmu agama. Namun begitu, apa yang disampaikan oleh penulis dalam karya ini menampakkan penulis sangat peka dengan persekitaran kehidupan masyarakat pada waktu itu. Manakala para pembaca hanyalah perlu membaca dan memahami novel dinukil secara harafiah semata-mata tanpa menelusuri makna tersirat yang digarap oleh pengarang untuk menyedari masyarakat tentang isu ini. Sebagai contoh, kita dapat lihat ibu Zahrana membenarkan Zahrana untuk melanjutkan pengajian ke SMA dan bukan ke pesantren (pondok) setelah Zahrana mengalami sakit ketika berada di pesantren, ibunya Bu Nuriyah akur dengan anaknya, meskipun Pak Munajat agak tegas dengan pendiriannya. Jelas disini dapat kita lihat nilai

kasih sayang antara keluarga ini sememangnya sangat penting kerana dapat menyebabkan seseorang rasa gembira dan dihargai:

Dia tidak membantah ayah dan ibunya saat itu, dia hanya pura pura sakit, Dan anehnya dia benar-benar demam sehingga sehari-hari. Akhirnya ibunya mengalah. Ibu mengajaknya berbicara dari hati ke hati dan dia mengutarakan bahawa keinginan terbesarnya adalah masuk SMA terbaik di kota Semarang bukan ke pesantren. Ibunya lalu berbincang dengan ayahnya, “Daripada dia sakit terus-menerus di pesantren, biarlah dia sambung belajar di SMA.” Akhirnya dia diizinkan masuk SMA. Dia tahu ayahnya sangat kecewa.

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 11)

Selain itu, kita dapat lihat pengarang sangat menekankan aspek hubungan manusia sesama manusia, lebih-lebih lagi hubungan anak dan keluarga, khususnya ibu dan bapa. Untuk menjadi seorang anak yang soleh ataupun solehah, kita perlulah kasih kepada ibu dan bapa kita kerana dengan adanya mereka kita dapat hidup bahagia di atas muka bumi ini. Menerusi novel *Cinta Suci Zahrana*, Habiburrahman bijak mengabung jalinkan isu kekeluargaan dalam novelnya yang membuat pembaca terkesan dengan nukilannya. Oleh itu, pengkaji dapat mengemukakan contoh daripada karya ini kasihnya seorang anak kepada ibu bapa yang terkandung dalam petikan novel. Seorang anak yang bekerja keras untuk mendapatkan penghargaan dan memberi kehormatan serta kebanggaan kepada kedua ibu bapanya, tetapi pengorbanan itu tidak dilihat oleh mereka. Hal ini boleh menyebabkan anak mereka tersinggung dengan perilaku mereka. Dapat kita

lihat pengarang juga cuba memfokuskan hubungan seorang anak perempuan dengan seorang bapa. Pak Munajat kurang memahami anaknya Zahrana dan terlalu berkeras dengan prinsipnya yang menginginkan Zahran untuk tidak melanjutkan pelajaran ke Phd, bekerja di negeri sendiri dan berkahwin cepat. Hal ini tidak sewajarnya terlalu menekan terutamanya kepada anak perempuan yang dikatakan perlu perkahwin awal kerana takut tidak laku dan sukar untuk mendapatkan zuriat. Pemikiran sebegini sangat cetek dan tidak seharusnya dipertikaikan kerana jodoh, ajal dan maut di tangan tuhan kita hanya mampu berdoa, berusaha dan berserah. Oleh sebab itu, sebagaimana pada petikan berikut keluarga ini sememangnya sangat penting kerana dapat menyebabkan seseorang rasa gembira dan dihargai dengan perasaan yang digambarkan melalui tindakan iaitu dengan menzahirkan kasih sayang tanpa diluahkan melalui kata-kata. Namun begitu, tanpa nilai kasih sayang, masyarakat akan rasa sebaliknya iaitu rasa dibenci, dihina dan perasaan sedih yang akan bertapak di hati:

Tetapi kenapa orang tuanya seperti tidak juga mengerti apa yang telah dia lakukan? Saat dia menerima undangan dari Beijing dan dia memberitahu kepada mereka, mereka menganggapnya biasa-biasa saja. Seperti tidak ada istimewa. Padahal itu adalah undangan istimewa dan luar biasa.

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 8)

4.2.4 ASPEK EMOSI

Selanjutnya pengkaji akan membincangkan aspek emosi yang diertikan sebagai perasaan yang boleh merangsang pemikiran dan juga perasaan seseorang individu. Menurut Daniel Goleman (2002), emosi merujuk kepada satu perasaan dan fikiran atau keadaan biologi dan psikologi yang membolehkan manusia bertindakbalas atau bertingkah laku mengikut perasaan. Erti kata lain satu tindakan tanpa kawalan diri seperti gembira, sedih, marah dan tekanan perasaan. Oleh itu, emosi juga merupakan satu aspek yang penting dalam kitaran hidup manusia kerana gangguan emosi boleh mengganggu perilaku manusia secara tiba-tiba. Pada pandangan sesetengah masyarakat ia tidak memahami akan gangguan emosi yang di alami oleh seseorang kemungkinan rentetan daripada tekanan hidup, persekitaran, keluarga atau masyarakat. Malahan menyalahkan mereka kerana mempunyai masalah sahshiah diri. Rentetan itu pengkaji ingin mengangkat perjuangan wanita dari segi aspek emosi ini menjadi paparan utama supaya masyarakat lebih menyedari akan pentingnya menjaga emosi sesama manusia dalam hidup bermasyarakat. Terbitnya penulisan kreatif ini adalah untuk dijadikan cerminan kepada masyarakat untuk melihat gelagat manusia dalam pelbagai aspek dalam kehidupan. Dengan menyentuh aspek emosi ini dapat kita lihat dengan jelas bahawa terdapat golongan yang tidak menghormati kebajikan sesama manusia. Sepertimana yang di rasai oleh watak Zahrana dengan perilaku yang kurang sopan ditonjolkan oleh dekan di hadapan pelajar. Sebagai individu yang popular dalam kalangan masyarakat Zahrana banyak menempuhi liku-liku kehidupan yang mencabar sama ada dalam bentuk positif atau negatif.

Bagi mengkaji aspek perjuangan wanita dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman ke tahap kajian ini, pengakaji menganalisis kandungan dengan membaca teks secara terperinci bahkan menganalisis maklumat berkaitan aspek emosi supaya pengkaji tidak menyalah ertikan erti emosi dalam kajian ini. Menurut Shahabuddin Hashim (2003), emosi adalah satu kebnagkitan dalaman seseorang yang ditonjolkan sebagai reaksi atau rangsangan tindakbalas terhadap sesuatu situasi yang terjadi terhadap dirinya. Perubahan itu boleh juga terjadi pada fizikal seseorang atau mimik muka yang kurang menyenangkan atau mengembirakan seperti mulut ternganga, terkejut, berpeluh, jantung berdegup kencang dan mata membesar. Pentafsiran dapat dilihat apabila seseorang itu merasakan dirinya diperlakukan tidak selesa ataupun selesa. Dengan menyelongkari aspek kejiwaan manusia yang hadir ketika bawah sedar ataupun di luar kesedaran untuk mengesan segala tingkah laku manusia secara sedar. Dengan adanya tafsiran terhadap sesuatu aspek kita dapat gambarkan bagaimana emosi yang di alami oleh seseorang secara tiba-tiba. Tambahan pula kelakuan yang tidak baik yang ditunjukkan dihadapan khalayak dan membuat individu itu kurang selesa dengan tindakan yang dilakukan. Sebagaimana yang telah terjadi pada watak Zahrana terasa sangat marah dan merasakan panas membahang ke muka apabila tindakan dekan iaitu Pak Surkarman telah mencium tangannya dengan spontan tanpa ada rasa bersalah dihadapan pelajar dan pensyarah- pensyarah lain sepertimana berdasarkan contoh petikan teks berikut:

Dengan berat hari Zahrana baik ke pentas. Seorang mahasiswi maju membawa karangan bunga. Sukarman mengambil karangan bunga itu dan menyerahkan kepada Zahrana. (Lalu Pak Sukarman membuat adegan mencium tangannya dan seolah-olah menempelkan pada bibir Zahrana. Para mahasiswa dan pensyarah

melihat adegan itu bertepuk tangan dan bersorak ramai. Tiba-tiba seorang mahasiswi berteriak,

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 101)

Dalam kajian ini pengkaji ingin mengemukakan satu pendapat berdasarkan buku psikologi oleh Atkinson (1983), yang membincangkan mengenai aspek emosi yang wujud pada manusia yang terbahagi kepada dua iaitu emosi yang menyenangkan dan emosi yang tidak menyenangkan. Manakala pendapat Martin (2003), pula menjelaskan kehadiran emosi baik dan buruk itu hadir bergantung kepada orang yang menerima rangsangan itu dan mentafsirkannya dalam bentuk baik atau buruk. Pada hakikatnya perlu diketahui emosi adalah hal yang penting kerana gangguan emosi membolehkan seseorang itu mengalami tekanan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila rangsangan yang hadir itu memberikan perkara buruk ia akan mengganggu fikiran seseorang individu sehingga membuat individu itu sentiasa mengenangkan peristiwa tersebut dan otaknya tidak mampu berehat dengan tenang. Perkara ini terjadi kepada watak Zahrana dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini. Pak Sukarman telah melamar Zahrana tetapi Zahrana tidak ingin menerima Pak Sukarman kerana ia disifatkan seorang lelaki duda yang baru sahaja kehilangan isteri dan berkelakuan tidak senonoh terhadap pelajar tetapi bersikap alim dihadapan masyarakat sehingga aibnya tertutup. Tindakan Pak Sukarman ini mengganggu ketentraman Zahrana kerana memikirkan tingkah lakunya yang kurang sopan semasa berinteraksi dengannya semasa di kampus. Perilaku seseorang banyak ditentukan oleh sejauhmana seseorang itu dapat mengawal dan menguruskan nilai moralnya dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai moral berlaku dari

perkara yang kecil sehinggalah kepada perkara yang paling besar kerana manusia sentiasa berhadapan dengan moral dan mesti membuat keputusan, sama ada kesan itu terhadap diri sendiri atau orang lain. Dapat kita lihat contoh petikan dari karya Cinta Suci Zahrana:

Malam itu Zahrana tidak dapat tidur. Wajah Sukarman mengganggu dirinya. Di mana-mana dia seperti melihat wajah Sukarman yang memuakkannya. Akal sihatnya tidak mungkin dapat menerima Pak Sukarman. Tidak boleh. Meskipun dia berusaha mencerna dan menghayati kata-kata Wati bahawa jika Pak Karman bertaubat itu adalah dakwah dan dia dapat pahala.

(Cinta Suci Zahrana, 2012: 136)

4.2.5 ASPEK SOSIAL

Menelusuri aspek sosial pula dapat ditakrifkan sebagai satu jalinan perhubungan antara manusia dan alam sekitarnya. Sehubungan dengan itu juga aspek sosial juga sangat dipengaruhi oleh emosi atau perasaan dan juga pemikiran. Aspek sosial adalah suatu tindakan sosial yang digunakan untuk menghadapi masalah sosial yang timbul dalam perhubungan sesama manusia. Hal ini demikian, kerana tidak akan terjadi interaksi sosial sekiranya tidak ada pengaruh emosi dan pemikiran. Antara masalah sosial yang sering dihadapi adalah masalah untuk berinteraksi dan bergaul dalam kelompok dalam kehidupan harian. Dalam penulisan kreatif masalah sosial dalam realiti kehidupan dijadikan cerita dalam sesebuah penulisan. Menurut tokoh Carlson juga hal-hal yang

berkaitan dengan fakta kehidupan dan akan terus kepada apa yang ingin disampaikan dalam sesebuah karya sastera. Hal ini dikatakan demikian, perihal sosial kehidupan berkonsepkan gambaran kehidupan yang subjektif. Merujuk Gamal Thabroni (2018), karya yang dihasilkan satu aliran seni yang serupa dan tepat dengan apa yang berlaku dalam dunia sebenar-benarnya. Penulis mempunyai pelbagai cara untuk menzahirkan karya-karya sastera ini bukan sahaja ingin menyebarkan isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat untuk kepentingan diri tetapi penulis juga ingin menjentik hati pembaca supaya mengambil ikhtibar atau membetulkan kelemahan yang terjadi dalam kehidupan. Kewujudan perjuangan wanita yang ingin diketengahkan dalam aspek sosial ini menerusi novel *Cinta Suci Zahrana* ini ilah bersangkutan paut dengan perhubungan dan interaksi dengan manusia dan pencipta.

Aspek sosial sangat menonjolkan sifat manusia kerana ia membezakan manusia dengan haiwan dan dapat mendekatkan manusia dengan tuhan. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek sosial disebut sebagai sifat manusia kerana melibatkan perhubungan. Perhubungan adalah perkara yang paling hampir dengan kehidupan manusia ianya sentiasa terlibat dengan berinteraksi. Sepertimana dapat kita lihat dalam karya Habiburrahman El Shirazy cuba menggarap perhubungan antara manusia dan penciptanya. Apabila manusia dicipta untuk hidup berpasang-pasang tetapi apabila untuk mendapatkan pasangan itu perlulah ada interaksi atau berdoa meminta petunjuk daripada Allah SWT untuk memberi petunjuknya. Dalam menjaga hubungan antara manusia dan pencipta ini banyak kelebihan yang dapat ditafsirkan. Masalah-masalah yang dihadapi dapat diringankan dengan berdoa dan sentiasa istiqamah dengan apa yang telah ditentukan dalam kitaran kehidupan dan jangan sesekali menyalahkan pada takdir kerana setiap manusia dicipta di dunianya perlu menghadapi liku-liku kehidupan dengan berpandukan ajaran serta bimbingan yang betul. Pada saat kita memerlukan tempat

bergantung selain daripada kedua ibu bapa, keluarga dan sahabat kita masih ada pencipta yang boleh mendengar keluhan hati bila-bila masa dan di mana jua. Manusia juga perlu membuktikan kecintaan mereka terhadap pencipta bukan sahaja dengan fizikal iaitu solat, puasa, bersedekah semata-mata kerana perintahnya tetapi perlu lahirnya keikhlasan yang lahir sepenuhnya dari hati. Justeru itu, pengkaji menyentuh bahawa aspek sosial adalah interaksi atau komunikasi antara manusia dengan pencipta bukan sahaja sesama manusia. Sepertimana yang telah digambarkan oleh pengarang dengan pengolahan cerita yang menyentuh perhubungan dengan pencipta. Zahrana seorang yang mempunyai perilaku yang sangat sopan, taat pada kedua ibu bapa dan taat kepada perintah Allah SWT. Oleh itu, Zahrana meminta pertunjuk daripada Allah SWT dengan solat Istikharah berdasarkan teks berikut:

Zahrana cuba melakukan solat istikharah. Lina yang dulu mengajarnya solat istikharah. Setelah solat dia berharap dapat tidur nyenyak. Kenyataannya dia tetap tidak dapat tidur sampai azan subuh berkumandang. Dia berdoa agar Allah membukakan baginya jalan keluar yang terang.

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 138)

Jika diperincikan dalam perjuangan wanita aspek sosial ini dapat kita kupaskan secara meluas tentang interaksi manusia sesama manusia. Erti kata lain aspek sosial dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini dalam memahami tentang kecintaan ini dapat dilihat melalui tiga perkara yang perlu kita ketahui iaitu cinta terhadap pencipta Hablun Min Allah, cinta terhadap alam sekitar dan cinta sesama manusia Hablun Min al-Nas. Justeru

itu, menurut Ustaz Abd Aziz bin Harjin, pensyarah UiTM Perlis, Malaysia cinta adalah fitrah yang dikurniakan kepada manusia untuk mempunyai satu perasaan untuk mencintai dan menyanyangi. Dalam konteks Islam cinta adalah satu perasaan yang suci sifatnya. Hal ini kerana Islam meletakkan cinta suci itu satu kuasa yang luar biasa hebatnya iaitu cinta kepada Allah SWT. Untuk seseorang individu menikmati atau merasai manisnya cinta adalah apabila kita mencintai Allah dan rasul lebih daripada mencintai yang lain. Keunggulan cinta itu terungkap apabila ketulusan orang beriman mencintai dengan sepenuh hati. Namun begitu, tidak salah juga untuk manusia merasakan cinta terhadap manusia kerana Allah SWT telah mencipta setiap manusia itu mempunyai pasangan di dunia untuk menikmati keindahan, kebahagiaan dan kasih sayang. Kecintaan terhadap pencipta, rasul dan sesama manusia adalah kerana Allah bukan kerana nafsu atau semata-mata. Kenikmatan cinta itu perlu dirasai oleh manusia menggunakan pancaindera dan mata hati. Sepertimana yang telah digambarkan oleh melalui watak Zahrana dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy ini. Perwatakan Zahrana iaitu yang menampilkan sikap manusia yang beriman dan cinta kepada sang pencipta dengan sepenuh hatinya. Setiap perjalanan kehidupannya bergantung dengan keredhan Allah SWT dan berpasrah kepadanya setiap apa yang telah ditentukan dalam hidupnya. Kepercayaan orang beriman adalah kebahagiaan dalam kehidupan adalah menjaga hubungan yang baik dengan Allah. Pengkaji ingin membuktikan apa yang ingin disampaikan oleh pengarang menerusi teks dibawah:

“Zahrana ini, meskipun berpendidikan tinggi tapi dia rendah hati. Yang menjadi pertimbangan Zahrana dalam mencari suami bukan kebendaan, status, strata, kedudukan sosial, pendidikan dan lain sebagainya. Yang jadi pertimbangan

Zahrana adalah agama, iman dan akhlak. Insya Allah, dia gadis solehah yang mampu menghormati suaminya. Jadi kamu jangan risau!”

(*Cinta Suci Zahrana*, 2012: 233)

4.3 PENDEKATAN ELAINE SHOWALTER DALAM FEMINISME

Dalam membincangkan isu wanita ia akan dikaitkan dengan dasar politik yang memperjuangkan hak wanita atau feminis yang telah terjadi sejak dahulu pada tahun 1960-an lagi. Hal ini menjadi isu terbesar di dunia kerana ketidakadilan terhadap kaum wanita. Oleh itu, kecenderungan kajian ini adalah untuk memberi kebebasan yang setiap wanita inginkan dalam kehidupan. Oleh itu, pengkaji ingin mengetengahkan pendekatan Feminisme oleh Elaine Showalter. Menurut beliau terdapat dua pendekatan dalam teori Feminisme iaitu kritikan feminis dan ginokritik feminis, yang mana kritikan feminis menekankan kepada hasil karya yang ditulis oleh lelaki dan pembacanya adalah wanita. Manakala kritikan ginokritik diperkenalkan oleh Elaine Showalter untuk kemukakan semua pendapat atau karya wanita sepenuhnya, tanpa memberi ruang untuk pengkarya lelaki dalam menyentuh tanggapan terhadap wanita. Ginokritik adalah kritikan feminis bersifat percubaan dan bersifat multi bidang yang menjuruskan kepada hubungan dalaman wanita. Dalam perbincangan ini pengkaji akan mengemukakan ginokratik iaitu membebaskan diri daripada ikatan sistem penandaan lelaki.

Kemunculan pendekatan ginokritik ini adalah untuk membebaskan wanita daripada ikatan penandaan oleh kaum lelaki. Wujudnya kecenderungan dalam kalangan pengkritik-pengkritik lelaki yang menggambarkan stereotaip dan pengalaman wanita

secara tidak betul dan tepat. Oleh itu, wajarlah sekiranya pendekatan ginokritik ini diketengahkan untuk membebaskan wanita dari menjadi golongan bawahan kaum lelaki. Malahan karya lelaki juga cenderung mengolah tentang wanita tanpa mereka ketahui bagaimana pengalaman dan sifat sebenar wanita tetapi mereka telah meletakkan wanita sebagai seorang yang tidak rasional, tidak pintar dan mudah emosi. Jelas dapat dilihat melalui karya-karya dari penulisan lelaki yang banyak mengetengahkan watak wanita negatif manakala watak lelakinya adalah positif dari semua aspek. Tindakan sebegini boleh menjadi racun kepada pembaca dan menjadi satu trauma dan tusukan yang tajam buat golongan wanita. Andaian yang dibuat oleh lelaki adalah secara universal dan penulisan yang tersebar itu akan menjadi prejudis buat wanita.

Justeru itu, pengkritik wanita menganggap lelaki tanpa mampu dan boleh untuk menggambarkan sifat wanita itu dengan betul dan tepat. Erti kata lain, sepertimana yang sudah tersebar feminisme di Barat yang menentukan status kehidupan antara lelaki dan wanita itu berat sebelah. Rombakan terhadap pemikiran yang kolot ini perlu dilaksanakan supaya ia dapat dilihat dengan perspektif yang luas dan tepat. Bukan hanya dengan membuat tanggapan tanpa pengalaman dan pendapat daripada wanita. Jelaslah, disini dapat dilihat pendekatan yang dikemukakan oleh Elaine Showalter ini untuk membebaskan wanita dari penandaan dan tafsiran kaum lelaki kerana dalam pendekatan ginokratik ini telah membolehkan wanita menjadi pengkarya dan pembacanya. Berdasarkan pendekatan ginokritik dari Elaine Showalter yang mula memberi perhatian kepada feminis untuk bangkit menyuarakan hak-hak mereka. Menurut Elaine Showalter ginokritik ini adalah memperjuangkan hak wanita dan memberi penekanan wanita sebagai pengarang. Karya-karya yang dihasilkan oleh wanita telah menjadi fokus penting.

Di samping itu, mendapat perhatian ramai pengkritik wanita. Ginokratik tidak memberi ruang kepada lelaki kerana golongan lelaki hanya meruntuhkan imej wanita

kerana mereka tidak memahami dan mengalami pengalaman yang di alami oleh wanita secara zahir dan batinnya. Pandangan ini telah di jelaskan oleh tokoh Amerika Syarikat iaitu Elaine Showalter dalam penulisannya. Namun begitu, Elaine Showalter telah menggunakan 4 model dalam mengaplikasikan teori ginokritik dengan karya sastera iaitu:

- i. Penulis wanita dan biologi wanita.
- ii. Penulis wanita dan bahasa wanita.
- iii. Penulis wanita dan psikologi wanita.
- iv. Penulis wanita dan budaya wanita.

Menerusi 4 model ginokritik ini pengkaji akan mengulas serba sedikit akan penulisan Habiburrahman El Shirazy mengenai watak wanita dalam novel Cinta Suci Zahrana menerusi 4 model ini:

4.3.1 PENULIS WANITA DAN BIOLOGI WANITA

Menerusi model penulis wanita dan biologi wanita ini sangat ditekankan dalam penulisan Elaine Showalter. Hal ini demikian kerana dalam membahaskan model biologi ini melihat terdapat unsur patriarki yang mempertahankan kekuasaan lelaki dalam penulisan lelaki. Manakala wanita dikatakan tidak memiliki kelebihan seperti lelaki. Kaum lelaki diberikan kuasa dalam pelbagai bidang termasuklah dalam menguruskan dan menentukan keluarga. Oleh itu, hujahan Showalter melalui model ini adalah untuk mengangkat wanita lebih baik dalam menggambarkan struktur tubuh badan dalam penulisan berbanding lelaki. Hal ini kerana pengarang wanita lebih cenderung

memanfaatkan unsur biologi berbanding lelaki. Penggunaan unsur-unsur biologi yang dimaksudkan adalah tujuan untuk memperlihatkan cara wanita menulis tentang diri mereka dan Wanita dengan adanya suara hati, perasaan dan keinginan yang betul. Pada penelitian terhadap teks *Cinta Suci Zahrana* ini pengarang tidak menceritakan sifat biologi wanita dengan perincian yang mengairahkan atau berlebihan. Hal ini kerana novel ini bersifat Islamik dan gambaran tubuh badan wanita diceritakan serba sedikit tentang rupa paras yang cantik, sifat yang bijak, bertanggungjawab dan solehah. Walau bagaimanapun model ini hanyalah untuk membangkitkan semangat dan memberi peluang supaya penulis wanita berani mengeluarkan hujahan mereka dengan tepat serta menyangkal pendapat penulis lelaki yang terlampau menceritakan biologi wanita dalam penulisan. Pada pandangan pengkaji Habiburrahman El Shirazy telah mengolah keperibadian wanita dalam penulisannya dengan baik.

4.3.2 PENULIS WANITA DAN BAHASA WANITA

Seterusnya, penulis wanita dan bahasa wanita menurut Elaina Showalter penulis lelaki dan penulis wanita menyampaikannya dengan cara yang berbeza. Dalam penulisan bahasa pula lelaki menggunakan bahasa yang boleh meracuni pemikiran dan membunuh sifat wanita. Oleh itu, Showalter membangkitkan persoalan tentang perbezaan jantina dalam Bahasa yang melibatkan aspek biologi, sosialisasi dan budaya. Menurutnya wanita mampu menghasilkan bahasa untuk keperluan mereka sendiri dan berbeza dalam pengucapan, pembacaan dan penulisan. Perbezaan bahasa wanita dapat dilihat juga dalam percakapan, intonasi, struktur ayat dan konteks persembahan bahasa. Penekanan terhadap

bahasa penting untuk mengenal pasti tanggapan pembaca dalam memahami. Untuk bahasa haruslah bersifat intelektual dan berdepan dengan kebenaran bukan seksualiti semata-mata. Hal ini kerana bahasa wanita disifatkan dengan keadaan biologi mereka iaitu gaya penulisan dan pertuturan yang lembut seperti gaya tubuh badan mereka. Penulis wanita menggunakan bahasa yang selembutnya untuk menggambarkan unsur yang indah dalam penulisan supaya keindahan bahasa itu sampai dengan makna yang setulus hati penulis. Dalam teks yang dikaji bahasa yang digunakan oleh pengarang lembut tidak menggunakan bahasa yang kasar atau kesat. Tambahan lagi, watak dalam cerita ini tidak ada watak wanita yang bersifat antagonis tetapi watak antagonis yang digambarkan dalam teks ini adalah watak lelaki. Meskipun begitu, model yang diutarakan oleh Showalter ini memperjelaskan kepada penulis lelaki bahawa wanita mampu menghasilkan karya yang indah menggunakan bahasa yang indah.

4.3.3 PENULIS WANITA DAN PASIKOLOGI WANITA

Selanjutnya, penulis wanita dan psikologi wanita yang akan diperbincangkan adalah pemikiran wanita dalam penulisan. Menurut Elaine Showalter psikologi wanita dibentuk sejak kanak-kanak dan diterapkan dengan pengalaman ibunya. Tambahan pula, wanita memiliki keperibadian dan perhubungan dengan orang dewasa yang mengikat mereka untuk berperilaku lebih matang berbanding lelaki. Dalam model psikologi ini Showalter dapat menyatakan bahawa wanita mempunyai beberapa kelebihan dalam penulisan kerana tubuh badan mereka distrukturkan untuk memudahkan mereka dalam melontarkan kata-kata. Watak-watak dalam karya mereka ini juga dikaitkan dengan

pengalaman dan psikologi pengarang. Setiap emosi yang diungkapkan pengarang dalam karya adalah berdasarkan situasi dan perasaan ketika mengarang. Oleh itu, pengarang wanita cenderung menghasilkan kisah penderitaan yang membawa kepada perilaku kegilaan dan bunuh diri untuk membuka jalan kebebasan daripada tekanan yang dialami. Hal ini tidak dapat dipertikaikan kerana wanita dikatakan mengalami banyak hal dalam kehidupan seperti datang bulan, mengandung, melahirkan dan sebagainya. Justeru itu, sukar untuk penulis lelaki untuk menaakul tentang perkara itu kerana mereka tidak mengalami tetapi hanya mendengar dan mengkaji tentang perkara itu. Dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini pengarang hanyalah menjelaskan secara gambaran luar tidak mengenai perilaku watak wanita.

4.3.4 PENULIS WANITA DAN BUDAYA WANITA

Dalam membincangkan hubungan penulis Wanita dan budaya Elaine Showalter berpendapat budaya adalah gabungan idea tentang tubuh badan wanita dan sifat persekitaran budaya mereka. Penulisan wanita dan budaya ini adalah cara wanita membentuk kekuatan dan perpaduan melalui persaudaraan wanita bagi menghadapi masalah mereka dalam kalangan masyarakat. Teks-teks yang dihasilkan bukan sahaja bersifat keibuan tetapi kekeluargaan dan keibubapakan tidak seperti penulis lelaki yang menekankan penulisan kebapaan. Penulis wanita ini merupakan penyatu untuk merombak cara penulisan lelaki terhadap wanita dan mendefinisikan pengalaman wanita sebaiknya. Menerusi teks yang dikaji pengarang menggunakan pendekatan ini dengan baik. Hal ini dikatakan demikian, kerana pengarang menggunakan perhubungan sesama manusia itu

sangat berkesan. Sebagaimana pengarang menceritakan hubungan watak Zahrana dan keluarga, Zahrana dan sahabat serta perhubungan dengan masyarakat itu sangat kuat.

4.4 FEMINISME BARAT BERBEZA DALAM SUDUT PANDANGAN ISLAM

Dalam menganalisis tentang aliran feminisme ini adalah untuk memberikan pencerahan atau penjelasan yang menjadi persoalan masyarakat akan kewujudan deskriminasi terhadap kaum wanita. Oleh itu berdasarkan kajian ini pengkaji akan membincangkan tentang kemunculan feminisme secara berperingkat di Barat dan juga melihat pandangan dari perspektif Islam tentang kedudukan wanita dalam Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengungkapkan kebenaran dan mengubah pandangan masyarakat tentang kedudukan seorang wanita yang di salah ertikan oleh tokoh-tokoh Barat.

4.4.1 FEMINISME BARAT

Dalam konteks feminisme di Barat terdapat pelbagai pendapat dan ideologi-ideologi yang telah diutarakan oleh tokoh-tokoh Barat terutamanya kaum lelaki untuk mengaplikasikan kebenaran tentang kedudukan wanita di dunia ini. Malahan stereotaip atau ciri-ciri wanita juga telah diolah dengan bermacam perwatakan di dalam penulisan-penulisan mereka. Implikasi tentang kedudukan wanita ini bukan sahaja dalam di dalam penulisan tetapi telah di praktikkan dalam realiti kehidupan sebenar di Barat khususnya sehingga wanita

dipinggirkan dalam pelbagai aspek khususnya pendidikan, pekerjaan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Sejalan dengan itu keberuntungan itu berpihak kepada kaum lelaki yang mendominasi bidang-bidang yang ada. Oleh itu terdapat kemunculan-kemunculan tokoh-tokoh wanita yang ingin mempertahankan dan membela hak-hak wanita.

4.4.1.1 FEMINISME LIBERAL

Pada awal kemunculan feminisme liberal ini adalah pada abad ke 18, perdebatan tentang isu wanita jelas diperbincangkan oleh ahli falsafah seperti Montesquieu, Rousseau, Diderot dan Voltaire yang berpendapat bahawa wanita sukar untuk dijangka kerana mereka tidak rasional dalam sesuatu perkara dan mudah mengikut emosi. Tambahan lagi menurut Rousseau wanita tidak layak mendapatkan tempat dalam bidang politik dan ekonomi kerana faktor biologi wanita atau lebih tepat fungsi seorang wanita yang telah ditetapkan oleh kaum lelaki. Ahli falsafah ini Rousseau atau Jean Jacques Rousseau telah memperkenalkan satu falsafah pendidikannya terhadap wanita dalam karyanya *Emile* pada tahun 1712-1778. Gambaran yang tidak masuk akal buat kaum wanita dimana beliau telah menggunakan dua watak kanak-kanak iaitu lelaki dan perempuan untuk menyampaikan matlamat pendidikan yang berbeza untuk lelaki dan perempuan. Setiap watak itu diberikan nama iaitu lelaki memegang watak "*Emile*", manakala perempuan memegang watak "*Sophie*". Pengenalan falsafah pendidikan ini mendatangkan siakp tidak puas hati oleh kaum wanita kerana ia dianggap telah memperlekehkan sifat wanita sesuka hati. Rousseau telah meletakkan watak "*Emile*" dengan sifat yang bermoral, rasional dan dapat mengawal diri dalam menjalankan tugas

dalam bidang pentadbiran dan juga sebagai seorang suami dan juga seorang bapa, termasuklah sebagai pelajar yang perlu mengkaji sains, kemanusiaan dan sebagainya. Manakala watak “*Sophie*” adalah seorang ibu dan isteri yang setia serta penyayang seta layak untuk belajar muzik, puisi dan seni sahaja. Rentetan daripada kemunculan pelbagai falsafah terhadap wanita dalam pendidikan telah menyeru tokoh wanita untuk membantah pendapat kaum lelaki dengan menghasilkan sebuah penulisan yang bertajuk “Keadilan Hak Wanita” pada tahun 1792 oleh Mary Wollstonecraft. Di samping itu juga Wollstonecraft juga memberikan penjelasan terhadap falsafah yang diutarakan oleh Rousseau dengan mempertikaikan sekiranya hendak menjadikan wanita sebagai seorang ibu dan isteri yang taat dan penyayang ia perlu mendapatkan pendidikan seperti lelaki kerana wanita juga mempunyai pemikiran yang sama.

4.4.1.2 FEMINISME MARXIS

Seterusnya, dapat pemahaman feminisme Marxis pengkaji ingin mengambil pandangan dari Engels dalam penulisan beliau iaitu *The Origin of the Family Private Property and the State* pada tahun 1884 yang mengolah tentang dunia yang berkembang tetapi sentiasa bersilih ganti hak asasi manusia. Dalam maksud yang lebih mudah pada pandangannya lelaki dan wanita itu satu kumpulan masyarakat yang diwujudkan secara pembiakan. Tambahan lagi, Engels beranggapan bahawa penindasan untuk kaum wanita itu biasa dan ia bukan satu perkara yang tetap tetapi ia akan berubah mengikut mod peredaran kapitalis kehidupan. Namun begitu, sebelum kemunculan falsafah daripada Engels terdapat beberapa tokoh terdahulu yang ingin mengubah kedudukan wanita dalam

dunia politik yang kejam seperti August Babel, Allezandra Kullantai, Marx Avelling dan mereka banyak menyumbang dalam berkembang pendekatan feminis Marxisme. Tambahan pula, tokoh Barat Kullantai juga banyak membawa pembaharuan dalam pembebasan wanita, seperti hak yang adil dalam perkahwinan dan wanita sebagai ibu mengandung dan menjaga anak perlu mendapatkan peruntukan daripada negeri. Namun begitu, Engels membawa perubahan dalam masyarakat yang menyifatkan dalam kalangan masyarakat perlulah diketuai oleh golongan lelaki atau patriarki dan menguling golongan wanita dan hak ibu.

4.4.1.3 FEMINISME SOSIALIS

Selanjutnya, dalam feminisme sosialis pada tahun 1860- 1935 dan merupakan sebahagian daripada kefahaman feminisme Marxisme. Dalam feminisme sosialis ini dapat kita melihat pandangan daripada ahli falsafah Charlotte Perkins Gilman yang merupakan seorang feminis sosialis terawal dalam menyuarakan pandangan. Beliau juga telah membukukan satu pandangan dalam feminisme yang bertajuk *The Man-Made* pada tahun 1911, yang mengutarakan kemerdekaan aspek ekonomi terhadap kaum wanita adalah sangat penting untuk mengisytiharkan pembebasan untuk kaum wanita pada waktu itu. Hal ini dikatakan demikian, kerana Gilman melihat dua golongan iaitu kapitalisme dan patriarki ini adalah musuh yang sama dalam merendahkan kaum wanita dan meletakkan wanita dibawah kawalan mereka seperti wanita dipaksa untuk membantu lelaki, tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam bidang ekonomi dan seksualiti mereka dan wanita juga dipaksa untuk menyenangkan atau memuaskan nafsu suami. Oleh

itu, Gilman menegaskan isu pembebasan kerana tidak mahu melihat wanita dijadikan alat untuk tujuan ekonomi. Tambahan pula, pada pandangannya perkahwinan antara lelaki dan wanita adalah satu perdagangan dan pelacuran yang teruk untuk kaum wanita.

4.4.1.4 FEMINISME RADIKAL

Menerusi feminisme radikal ini kebanyakan tokoh-tokohnya sangat menekankan golongan patriarki atau lelaki sebagai ketua terutamanya dalam keluarga dan tidak membenarkan wanita untuk memasuki bidang ekonomi dan juga politik. Hal ini berlaku demikian, kerana tanggapan mereka sangat kolot atau erti kata lain primitif yang bertanggapan wanita mempunyai sifat yang tidak rasional, kurang moral dan tidak mahir dalam memegang peranan dalam politik dan ekonomi negara. Tokoh Barat pertama yang mengembangkan feminisme radikal ini ialah Kate Millet telah mengeluarkan teori beliau untuk menganalisis tentang patriarki dan hubungan seks atau jantina dalam karya beliau yang bertajuk *Sexual Politics* pada tahun 1970. Perspektif beliau dalam feminisme radikal ini adalah hubungan seks adalah sebuah politik, manakala perhubungan antara lelaki dan wanita adalah hubungan kuasa. Sistem sosiopolitik ini dikuasi oleh penguasa lelaki dan subordinat pula oleh golongan wanita. Namun begitu, golongan patriarki menguasai seksualiti dan ideologi secara meluas dalam aspek kehidupan dan golongan wanita hanyalah untuk dipergunakan atau dieksploitasi, sedangkan golongan lelaki mendapat hak untuk melalui sosialis kanak-kanak, keluarga, pendidikan dan pekerjaan. Dapat kita lihat juga beliau telah mencabar kekuasaan pencipta dalam karyanya *Beyond God Father: Toward a Philosophy of Women's Liberation* pada tahun 1973. Dengan melihat tuhan

adalah kumpulan untuk semua bapa dan mengutarakan bahawa Yahudi, Kristian dan Islam adalah tuhan yang berlebih-lebihan dan melampaui batas dan perlu diganti dengan tuhan yang tetap.

4.4.1.5 FEMINISME PSIKOANALISIS

Seterusnya, dalam feminisme psikoanalisis pula membincangkan tentang perkembangan seksualiti kanak-kanak oleh Freud. Dalam penulisannya telah membicarakan teori seksualiti yang dilalui oleh kanak-kanak dalam penulisannya iaitu "*Three Contributions to the Theory of Sexuality*" yang menerangkan perkembangan tahap lelaki dan perempuan mengalami psikologi dalam mendorong kematangan sek. Erti kata lain adalah untuk mengkaji badan atau anatomi yang membangunkan ciri-ciri maskulin dan feminin lelaki dan perempuan itu adalah berbeza. Tambahan lagi, beliau mengtafsirkan bahawa lelaki lebih cepat mengalami tumbesaran serta cepat menyelesaikan kompleks Oedipus dan wanita lambat kerana mereka mempunyai anatomi yang berbeza. Sigmund Freud telah membentuk satu istilah iaitu kompleks Oedipus atau menunjukkan emosi dan idea-idea yang dipertahankan oleh minda ketika tidak sedarkan diri dan keinginan dalam perhubungan seks. Istilah ini adalah untuk mencipta jurang atau jarak yang berbeza antara lelaki dan wanita.

4.4.1.6 FEMINISME EKSISTENSIALIS

Simon de Beauvoir adalah salah seorang daripada pemikir Barat dalam mentafsirkan feminis eksistensialis dengan bukunya yang bertajuk *The Second Seks* (1974), yang bertanggung di semester ini adalah hak lelaki dan lelaki itu berperanan sebagai “subjek” utama dan wanita dipinggirkan. Feminisme eksistensialis ini dimulakan oleh Simon de Beauvoir pada tahun 1908-1986. Beliau juga berpandangan bahawa kaum lelaki sentiasa ada untuk mencipta mitos mereka sendiri mengenai wanita supaya mereka dapat mengawal pergerakan wanita berada dibawahnya. Istilah ini digunakan untuk menunjukkan sifat wanita itu hanyalah diekplotasi oleh lelaki sahaja, meskipun wanita berubah-ubah secara semula jadinya. Dalam feminisme eksistensialis ini juga Beauvoir juga memberi cadangan kepada golongan wanita supaya lari dari mendapatkan gelaran sebagai ibu ataupun isteri. Hal ini dikatakan demikian, kerana ia dianggap menjadi penghalang kepada kebebasan wanita. Di samping itu, wanita dianggap sebagai alat kerana wanita menerima peranan sebagai ibu dan isteri itu tanpa mereka menyedari bahawa mereka mempunyai kelainan diturunkan ke dunia menurut Beauvoir. Status perkahwinan ini dianggap pemusnah kehidupan, jika wanita memilih utk berkahwin dan menjadi seorang isteri atau ibu maka itu lah kerjaya dan pekerjaannya. Oleh itu, dapat kita tafsirkan pendapat Beauvoir ini adalah menggunakan mitos atau istilah perkataan “subjek” dan “objek” dalam mengaplikasikan status atau darjat lelaki dan wanita.

4.4.2 KEDUDUKAN WANITA DALAM ISLAM

Dalam membincangkan kedudukan wanita dalam Islam perlu kita ketahui bahawa dalam Islam Allah SWT telah menentukan konsep kehidupan yang betul dan lengkap mengikut hak yang sama dan adil untuk kaum lelaki dan juga kaum wanita. Oleh itu, Islam hidup berlandaskan tauhid yang menjelaskan bahawa terdapat hanya satu pencipta iaitu Allah SWT dan manusia atau umatnya perlu mematuhi suruhannya berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Dalam al-Quran ada menyebut bahawa manusia diciptakan dalam dua jantina yang berbeza tetapi mempunyai tujuan yang sama iaitu menjadi Khalifah. Namun begitu, tidak dipertikaikan pada waktu dahulu sebelum zaman Nabi Muhammad SAW iaitu sebelum abad ke-6 Masihi sataus seorang wanita dianggap sebagai sampah atau barang yang boleh diperjudikan sesuka hati oleh kaum lelaki. Malahan, dianggap sebagai satu alat pemuas nafsu mereka, tidak dihormati dan dianggap manusia, menurut Andek Masnah Andek Kelawa (2001), dalam penulisan beliau “Kempimpinan Wanita Dalam Islam”. Tambahan pula, pada waktu itu anak perempuan juga dianggap hina bagi keluarga. Anak perempuan ditanam hidup-hidup dan dijadikan jual beli dipasar-pasar. Kaum wanita juga tidak mempunyai hak untuk bersuara dan menuntut hak mereka kerana mereka hanya bergantung kepada keputusan kaum lelaki. Masyarakat Islam membantah perilaku seperti itu dan berjihad untuk menghapuskan pemikiran yang primitif atau erti kata lain pemikiran yang kuno. Dalam Islam melarang melakukan perbuatan yang terkutuk dan yang menolak unsur diskriminasi terhadap kaum hawa tidak masuk akal dan memperlakukan wanita binatang. Dalam al-Quran telah mengatakan perbuatan membunuh bayi perempuan adalah satu dosa besar melalui ayat berikut:

“Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup. Ditanya. (8) ‘Dengan dosa apakah dia dibunuh?’”

(Surah al-Takwir 81: 8-9)

4.4.2.1 ASPEK EKONOMI

Selain itu, dapat kita bincangkan hak wanita dalam bidang ekonomi mengikut pandangan Islam. Islam membenarkan dan memberi hak kepada kaum wanita untuk melibatkan diri dalam bidang ekonomi seperti perniagaan, pentadbiran, pertanian, pendidikan dan sebagainya. Akan tetapi Islam mengajar untuk wanita menjaga kehormatan, keperibadian, adab, aurat dan maruah diri ketika menjalankan pekerjaan yang telah dikerjakan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menjaga keperibadian kita sebagai seorang Muslim kita dapat menghindari daripada fitnah, maksiat dan dosa yang tanpa disengajakan semasa bekerja. Islam juga berpesan kepada wanita yang bergelar ibu dan isteri hendaklah menjaga kebajikan keluarga sepertimana yang telah ditugaskan kita wanita supaya tidak tmengabai tanggungjawab itu.

Namun begitu, syarat-syarat yang telah ditetapkan ini bukanlah untuk meghalang wanita untuk bekerja tetapi kurang menggalakkan supaya dapat memelihara kehormatan dan kesucian wanita. Jelaslah dapat kita fahami Islam telah menentukan dan memberi jalan yang baik dalam menjaga martabat seorang wanita. Wanita boleh melibatkan diri dalam mana-mana bidang yang mereka inginkan selagi tidak melanggar perintah Allah SWT dan memudaratkan diri sendiri. Hal ini kerana wanita ini anggap

sebagai ujian kepada lelaki, dimana dalam al-Quran ada menyebutkan bahawa wanita ini adalah ujian utama kepada kaum lelaki kerana penarikan wanita itu. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dihiaskan (dan dijadikan) indah kepada manusia, tertarik pada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan, anak-pinak, harta benda yang banyak berpikul-pikul daripada emas dan perak, kuda peliharaan yang tangkas dan terlatih. Binatang ternakan dan kebun-kebun semuanya itu adalah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah) di sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).

(Ali Imran 3:14)

Allah SWT juga telah menggambarkan tabiat manusia yang amat cinta dan mengagumi benda-benda yang indah dan menarik terutamanya kaum lelaki. Sesuatu yang paling menarik perhatian lelaki ialah wanita, kemudian barulah diikuti dengan benda-benda lain. Wanita merupakan fitnah dan ujian yang paling besar bagi lelaki. Sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud:

Tidak ada fitnah yang lebih besar bagi kaum lelaki sesudah peninggalanku kelak selain daripada wanita.

(Ibn Hajar LL. 9:137)

4.4.2.2 ASPEK POLITIK

Secara umumnya wanita mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam bidang politik. Misalnya bidang kepimpinan adalah satu bidang yang meluas. Setiap individu yang bergelar manusia sama ada lelaki atau wanita boleh dipertanggungjawabkan menguruskan serta memimpin masyarakat atau satu kumpulan yang berskala kecil mahupun besar. Bahkan mampu menguruskan tugas yang telah dipertanggungjawabkan ke atasnya. Hal ini kerana kepimpinan membawa makna yang luas yang merangkumi kepimpinan terhadap diri sendiri dan individu lain. Kepimpinan untuk diri sendiri memaksudkan menyerahkan seluruh anggota badan untuk mentaati seluruh perintah Allah SWT dan menjauhi larangannya. Selain itu, kepimpinan wanita juga menjurus kepada kepimpinan dalam rumahtangga.

Namun begitu, terdapat banyak contoh dalam sejarah yang menunjukkan penglibatan wanita dalam politik seperti isteri Nabi Muhammad SAW dan sahabat wanita. Wanita mampu menjadi tulang belakang kepada pejuang lelaki di medan perang. Mereka mampu memberi cadangan yang bernas, mengeluarkan fatwa dan juga memperbetulkan pendapat para khalifah. Bukti yang dapat kita lihat, ketika peristiwa Perjanjian Hudaibiyah Ummu Salamah isteri baginda Rasulullah SAW mendengar dan menilai masalah yang dihadapi oleh baginda dengan memberi cadangan supaya baginda bercukur dan mengorbankan haiwan ternakan serta mengingatkan agar tidak memberitahu perkara tersebut kepada sesiapa sehingga baginda selesai mengerjakannya. Ketika para sahabat melihat perlakuan baginda, mereka turut melakukannya. Tambahan itu, wanita juga melibatkan diri dalam jihad (peperangan mempertahankan Islam) dalam beberapa ketika. Mereka bukan sahaja menyediakan makanan dan perkhidmatan perubatan kepada tentera-tentera Islam tetapi mereka juga melibatkan diri dalam beberapa

pertempuran melawan musuh Islam. Jelas dapat dilihat Wanita berhak untuk memberi nasihat dan rundingan yang baik dan boleh diterima oleh masyarakat.

Namun begitu, para ulama mempunyai pendapat yang berbeza tentang penglibatan wanita dalam politik. Berdasarkan ayat al-Quran telah menyebutkan bahawa kedua-dua jantina diperintahkan untuk menjaga pandangan dan kehormatan. Ayat tersebut juga menunjukkan dengan jelas bahawa kedua-dua lelaki dan wanita dibenarkan untuk menyumbang perkhidmatan mereka kepada masyarakat tetapi pada masa yang sama perlu menjaga kesucian dan kehormatan mereka.

“Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firman-Nya), ‘Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang yang beramal daripada kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) daripada setengahnya yang lain, maka orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya) dan yang diusir keluar dari tempat tinggalnya dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agama-Ku dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam) dan yang terbunuh (gugur syahid dalam perang Sabil), sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa batang sungai, sebagai pahala daripada Allah dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh).”

(Surah Ali Imran 3:195)

Oleh itu, berdasarkan ayat tersebut, termasuk hadith dan bukti sejarah yang berhujah tentang kebolehan kaum wanita untuk melibatkan diri dalam pelbagai struktur politik,

hijrah dan jihad ke arah jalah Allah SWT. Perkara penting untuk ditekankan bahawa kedua-dua jantina dicipta sebagai khalifah Allah SWT dan kedua-duanya diwajibkan dengan bertanggungjawab untuk mencegah maksiat dan menghindari daripada perkara yang terlarang.

4.4.2.3 ASPEK PENDIDIKAN

Di samping itu, Rasulullah SAW ditugaskan oleh Allah SWT sebagai utusan untuk mengajar umatnya ilmu asas tentang keesaan Allah SWT, kenabian, kepercayaan hari akhirat dan hari kiamat serta konsep-konsep penting dalam Islam. Oleh itu, dalam ajaran Islam juga membenarkan wanita menuntut ilmu sama seperti lelaki, wanita berhak untuk mendapatkan ilmu. Nabi Muhammad SAW juga tidak pernah menggunakan istilah diskriminasi antara wanita dan lelaki semasa baginda mengajarkan masyarakat tentang kehidupan. Dalam Islam tidak pernah mengabaikan wanita atau menempatkan wanita serendah- rendahnya. Bahkan Nabi Muhammad SAW memandang tinggi dan menghormati wanita pertama dalam hidupnya iaitu ibunya Aminah binti Wahab yang telah mengandung dan melahirkanya serta menjaganya. Keduanya iaitu Isteri baginda Khadijah r.a merupakan orang pertama menerima Islam dan beriman kepada Allah SWT dan mengakui kenabian baginda. Oleh itu, baginda sangat menghormati wanita kerana isterinya wanita yang menjadi tiang untuk baginda menyebarkan Islam pada waktu itu. Justeru itu, Islam mewajibkan lelaki dan perempuan untuk menuntut ilmu. Buktinya para cendekiawan Wanita yang menuntut ilmu bahkan berkongsi ilmunya dengan Wanita lain seperti Aishah, Ummu Salamah dan Hafshah.

Buktinya, Aishah r.a. dapat menguasai kesemua bidang ilmu keagamaan, ilmu al-Quran, hadis, fekah, tafsir dan faraid. Beliau telah termasuk ke dalam golongan tujuh orang sahabat Rasulullah SAW yang banyak memberi fatwa. Kemahiran Aishah ra, dalam bidang keagamaan menarik perhatian para sahabat Rasulullah SAW. Ibn Hajar pula menyatakan bahawa Aishah r.a. adalah seorang ahli fekah yang terkemuka sehingga dikatakan orang bahawa satu perempat (1/4) daripada hukum-hukum syarak diambil dan dipelajari daripadanya. Selain daripada bidang agama, Aishah ra. juga mahir dalam bidang perubatan, sejarah, kesusasteraan Arab, pandai bersyair dan berpidato. Beliau juga mahir dalam bidang astronomi dan salasilah keturunan bangsa Arab.

Daripada keterangan di atas, jelas kepada kita tentang keupayaan dan kebolehan Aishah r.a. dalam menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan dengan baik. Ini menunjukkan bahawa keupayaan lelaki dan wanita adalah sama dalam menguasai ilmu pengetahuan. Malahan, ada wanita yang mampu mengatasi keupayaan kaum lelaki dalam bidang ini. Jelaslah, penting juga untuk perbincangan ini kerana ilmu Islam tidak terbahagi kepada dua cabang yang berbeza, tetapi menekankan kesatuan ilmu. Tidak seperti masyarakat Barat, ilmu Islam tidak diasingkan sebagai ilmu beragama secara moden atau sekular. Ilmu yang diasingkan sebegini adalah bertentangan dengan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu terhadap kehidupan Islam.

4.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan tentang dapatan kajian dengan mengaplikasikan tiga objektif utama yang telah dibuat berdasarkan tajuk kajian iaitu “Isu Wanita Dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy: Kajian Perbandingan Feminisme Barat dan Islam”. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk penyampaian kesedaran dan membuka mata masyarakat untuk menilai manusia itu sama sahaja. Dalam konteks kehidupan tidak ada perbezaan atau diskriminasi dalam ekonomi, politik mahupun pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap manusia dibenarkan untuk menikmati setiap kemudahan yang ada sepertimana Allah SWT telah memberi nikmat hidup kepada manusia diatas muka bumi ini dengan menghirup udara yang sama, perbijak di tanah yang sama. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kajian ini bukanlah untuk perdebatan menghalang penulis lelaki dalam menghasilkan karya sastera yang menggambarkan watak seorang wanita tetapi memberi pencerahan dalam penyampaian yang baik untuk menstereotaipkan wanita itu dengan betul dan dapat memberikan pengajaran kepada yang lain. Tambahan itu juga, perbandingan antara Feminisme Barat dan melihat sudut pandangan Islam pula untuk menjelaskan bahawa sejak zaman dahulu lagi dalam Islam sudah memartabatkan kaum haw aini sebaik-baiknya. Malahan kaum wanita dibenarkan melibatkan diri dalam mana-mana bidang asalkan dapat menjaga maruah diri dan keperibadian sebagai seorang wanita.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan merumuskan secara keseluruhan tentang hasil kajian terhadap aspek perjuangan wanita dalam novel *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy dengan menyetengahkan beberapa aspek perjuangan wanita untuk melihat sejauhmana pengarang melestarikan hak wanita dalam penulisannya itu. Hal ini demikian, kerana terdapat karya sastera yang dihasilkan oleh lelaki tidak relevan untuk menggambarkan sifat wanita dengan betul dan baik. Oleh itu, pemilihan teks ini untuk menguji sejauhmana pengarang mengolah perjuangan wanita untuk menegakkan haknya. Kajian ini juga disertakan dengan mengaplikasikan teori Ginokritik yang digagaskan oleh Elaine Showalter untuk memperlihatkan bagaimana Showalter mengaplikasikan teori ginokritik untuk mempertahankan hak wanita melibatkan diri dalam penulisan karya sastera. Teori ginokritik ini juga adalah untuk memperlihatkan bagaimana pengarang lelaki tidak mampu untuk memenuhi 4 model yang telah di aplikasikan dalam teori ginokritik oleh Elaina Showalter ini untuk menghasilkan karya yang menggambarkan watak wanita dalam karya sastera. Selain itu, kajian ini akan mengolah perbandingan antara Feminisme Barat dan sudut pandangan Islam tentang kedudukan wanita dalam Islam supaya dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat untuk menilai dengan lebih baik. Oleh yang

dikatakan sedemikian, hasil kajian ini juga akan memperlihatkan cadangan melalui kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Rumusannya, berdasarkan perbincangan diatas sangat nyata bahawa unsur diskriminasi terhadap kaum wanita masih ada. Pemikiran masyarakat masih lagi sempit dalam menilai. Pangkat darjat adalah segala-galanya dalam kehidupan, meskipun dunia kini sudah berubah mengikut arus peredaran masa yang semakin canggih. Oleh hal ini kajian ini telah membahaskan mengenai isu wanita atau Feminisme. Dalam kajian ini, dapat dirumuskan bahawa kajian ini terdapat merangkumi lima bahagian iaitu pengenalan, kajian literatur, metodologi kajian, dapatan kajian atau analisis dan rumusan secara keseluruhan kajian. Justeru itu, kelima-lima bahagian ini menceritakan dan membincangkan keseluruhan kajian yang dijalankan.

Pada perbincangan dalam bab satu iaitu bahagian pengenalan secara keseluruhannya membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Selain itu, pada bahagianbab dua kajian literatur atau kajian lepas sangat penting untuk mengkaji berapa banyak kajian lepas untuk menghasilkan kajian supaya kajian akan datang dapat diperbaharui dan dipertingkatkan. Hal ini demikian kerana, dengan adanya penelitian terhadap kajian lepas segala kelompongan dapat diperbaiki menjadi satu hasil kajian yang baru. Seterusnya, dalam bab tiga iaitu adalah berkaitan dengan metodologi kajian yang menjadi rujukan dalam menghasilkan kajian bagi menjawab segala objektif kajian.

Justeru itu, dalam bahagian ini akan dijelaskan secara terperinci segala kaedah yang digunakan termasuk mengaplikasikan teori yang sesuai dengan kajian yang dihasilkan. Oleh yang dikatakan sedemikian, dalam kajian ini penelitian terhadap aspek perjuangan tokoh wanita dan mengaplikasikan teori ginokritik oleh Elaine Showolter untuk mengaplikasikan empat model yang diaplikasikan dalam teori ginokritik dalam penulisan karya. Di samping itu, juga secara tidak langsung kajian perbandingan antara Feminisme Barat dan Islam juga dijalankan untuk memberi satu pendekatan baru.

Selanjutnya, dapat dirumuskan bab empat adalah berkenaan dengan dapatan kajian yang memainkan peranan penting dalam sebuah kajian kerana segala hasil kajian akan dianalisis pada bahagian bagi menjawab segala objektif yang dikemukakan. Oleh itu pada masa kini penting untuk masyarakat untuk menilai sendiri aspek dan landasan yang betul dalam konsep kehidupan. Pada pendekatan Elaine Showalter dalam ginokritik adalah untuk menjelaskan bahawa penulis wanita sahaja yang mampu menjelaskan sifat wanita dengan baik. Penghasilan karya sastera mengenai wanita haruslah memberikan pengajaran kepada pembaca bukan untuk memburukan atau menjatuhkan martabat kaum wanita semata-mata.

Walau bagaimanapun karya kesusasteraan di Nusantara ini telah di penuhi dengan penulis lelaki yang gemar menggunakan stereotaip kaum wanita dan gambaran perilaku yang tidak baik terhadap wanita itu adalah sebagai cerminan realiti kehidupan sebenar telah diperolahankan dengan cara yang baik. Sebagai contoh, penulis lelaki yang menggunakan stereotaip yang baik dalam menggambarkan watak wanita dalam penulisannya seperti karya *Cinta Suci Zahrana* karya Habiburrahman El Shirazy. Tambahan lagi, dalam feminisme Barat juga terdapat tokoh-tokoh wanita yang memperjuangkan hak-hak wanita seperti Mary Wollstonecraft dan Elaine Showalter yang banyak menyumbang idea-idea dalam penulisannya untuk menegakkan hak wanita.

Meskipun begitu, isu feminisme Barat tidak lagi rancak membahaskan isu wanita seperti zaman dahulu tetapi teori-teori Barat ini masih lagi digunakan untuk menjalankan kajian-kajian dan juga kritikan-kiritikan terhadap karya-karya sastera yang dihasilkan. Dalam kajian ini juga dapat kita menilai kedudukan wanita dalam Islam sangat dititikberatkan untuk memelihara dan menjaga maruah wanita sepertimana yang telah ditetapkan dalam konsep kehidupan masyarakat Islam yang sebenar. Dimana kaum lelaki dicipta untuk menjadi pemimpin dan bertanggungjawab terhadap kaum wanita dan keperluan isteri dan anak-anak dalam keluarga. Justeru itu, dalam Islam mengajar manusia untuk menjadikan al-Quran sebagai contoh untuk kaum lelaki dan wanita pelajari.

5.3 CADANGAN

Rentetan daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji mengharapkan ada penambahbaikan daripada pengkaji yang akan datang terutamanya perbandingan yang jelas terhadap Feminisme Barat dan Islam. Oleh itu, dalam kajian pengkaji akan menyatakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan untuk kajian-kajian yang akan datang agar masyarakat dapat menilai sendiri sejauhmana isu diskriminasi wanita ini masih terjadi bukan sahaja dalam karya-karya sastera bahkan dalam globalisasi masa kini yang mungkin kita tidak dapat melihat dalam penulisan tapi hakikatnya terjadi dalam dunia sebenar. Hal ini dikatakan sedemikian kerana antara cadangan yang diutarakan bukanlah sekadar untuk mengangkat darjat wanita itu lebih tinggi tetapi supaya dapat dipertimbangkan kesamarataan dan keadilan untuk setiap manusia di muka bumi ini.

5.3.1 MEMPERLUASKAN LAGI KAJIAN TENTANG FEMINISM DAN MELIHAT DARI SUDUT PANDANGAN ISLAM.

Cadangan yang ingin diutarakan adalah mengenai teori Feminisme Barat dan Islam. Tujuan cadangan ini adalah supaya teori Barat dan Islam banyak diperbincangkan supaya memberi pencerahan kepada pelajar-pelajar yang ingin mengkaji tentang teori Feminisme ini. Untuk pengetahuan semua teori feminisme ini mempunyai skop yang luas dan berperingkat. Selain itu, banyak tokoh yang memperincikan dan mengkritik tentang feminisme ini terutamanya di Barat. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian ini diperbanyakkan lagi untuk membuka mata masyarakat tentang feminisme ini serta diperjelaskan lagi dari perspektif Islam. Hal ini kerana feminisme ini bukan sahaja boleh dikaji dengan penelitian terhadap penulisan sastera semata-mata akan tetapi boleh diperkecilkan mengikut aspek seperti pekerjaan, pendidikan, ekonomi, sosial, pentadbiran dan lain-lain menerusi perkembangan masa kini. Tuntasnya, kajian mengenai teori feminisme ini wajar di kaji secara meluas dan bandingkan dengan pengertian Islam untuk memperkukuhkan lagi penggunaan teori feminisme ini dalam kajian akan datang.

5.3.2 PERANAN MEDIA MASSA DALAM MENEGAKKAN KEBENARAN DAN MEMBERI KEADILAN KEPADA WANITA.

Selain itu, media massa turut memainkan peranan penting dalam memperhebahkan isu semasa kepada semua lapisan masyarakat. Sebagai contohnya,

pihak media boleh memperhebahkan melalui radio, televisyen dan surat khabar. Melalui cara ini, lapisan masyarakat dapat mengetahui tentang kepentingan isu ini. Tambahan lagi, bukan sahaja melalui corong radio dan televisyen bahkan bidang kesusasteraan ini juga boleh menyiarkan hebahan tentang feminisme di peringkat pembelajaran pada peringkat sekolah menengah lagi. Dengan itu, pelajar berpeluang untuk mengenali apa itu diskriminasi dalam skop karya sastera pada peringkat awal dengan lebih mendalam. Seterusnya, pihak media massa merupakan pihak yang penting untuk memulakan usaha untuk mengangkat isu feminisme atau diskriminasi terhadap wanita. Hal ini dikatakan demikian, kerana dapat kita lihat pada hari ini masih ada diskriminasi ini dalam aspek pekerjaan terutamanya.

Mengikut statistik jumlah peratusan wanita dalam sektor pekerjaan lebih sedikit berbanding lelaki iaitu 54.7 peratus dan 80.7 peratus lelaki. Bilangan ini tidak termasuk bilangan remaja perempuan yang tidak dapat bekerja kerana menamatkan zaman muda dalam alam rumahtangga yang meninggalkan kesan kepada mereka. Malahan, dalam tinjauan kajian penyelidikan terbaru oleh *Women's Aid Organisation* (WAO) dan agensi penyelidikan menurut Lay Sheng (2020), kerana wanita di Malaysia dikatakan mengalami bentuk diskriminasi di tempat kerja. Antaranya dalam proses temuduga kerja, dimana golongan wanita ini dipersoalkan tentang status perkahwinan, kemampuan mereka dalam menjalankan kerja dan meletakkan kelayakan mereka seperti menyediakan minuman dan mengemas pejabat. Oleh itu peranan media massa sangat penting dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana, media massa merupakan satu medium yang mempengaruhi masyarakat kini. Dengan menggunakan kuasa media massa ini dapat dipertingkatkan pengetahuan masyarakat tentang diskriminasi ini. Meskipun isu ini bukanlah satu masalah yang dianggap besar pada mata masyarakat tetapi ia adalah satu keadilan dan pembelaan untuk kaum wanita. Tegasnya, pihak media massa harus

bertanggungjawab untuk memastikan perihal ini diperbahaskan melalui corong-corong media massa serta mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat.

5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa isu wanita menerusi pendekatan Feminisme Barat dan Islam ini dapat memberi pandangan kepada masyarakat untuk mempunyai satu pemikiran yang terbuka. Sikap yang terbuka ini menjadikan diri kita untuk bersikap intelek dan keluar dari pemikiran yang primitif dalam menerima pandangan serta melontarkan idea dalam perhujahan. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan pengkaji yang akan datang untuk melakukan kajian yang lebih baik. Hal ini demikian, kerana pengkaji mengharapkan agar teori feminisme barat dan pandangan Islam ini relevan dalam kalangan masyarakat Melayu supaya dapat melakukan kajian yang lebih banyak dan menarik. Selanjutnya, dalam kajian ini pengkaji dapat menimba ilmu menerusi hasil kajian yang diperolehi. Hasil kajian ini memperincikan pendapat daripada tokoh-tokoh Barat dan Islam berkaitan dengan isu feminisme. Tambahan lagi, hasil penulisan Habiburrahman El Shirazy dalam novel *Cinta Suci Zahrana* ini memperlihatkan sosok wanita yang baik dan sangat gigih dalam memperjuangkan haknya sebagai seorang wanita dan anak yang terbaik untuk kedua ibu bapanya.

RUJUKAN

- A.halim Ali (2020). *Inti Sari Teori Sastera: Barat dan Malaysia*. Shah Alam, Selangor: Terbitan NHA Excell Resources.
- Alfred Adler (1927). *Understanding Human Nature*. Anew York: Greenberg.
- Andek Masnah Andek Kelawa (2001). *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukan dalam Syariah*. Bangi, Selangor: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Charlotte Perkins Gilman (1906). *The Man World*. London: T. Fisher Unwin
- Dawam Mahfud, NafatyaNazmi, NikmatulMaula. (2015). *Relevansi Pemikiran Feminis Muslim Dengan Feminis Barat*. *Jurnal SAWWA* (2015), 95- 110.
- Farid, Abdul (2017). *Analisis Makna Konotatif Dalam Teks Novel “Cinta Suci Zahrana Karya Habiburahman El Shirazy”*. S1 thesis, Universitas Mataram.
- F. Engels (1978). *The Origin of the Family Private Property and the State*. Peking: Foreign Languages Press.
- Gardner Howard. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. London: Heinmann.
- Habiburrahman El Shirazy (2012). *Cinta Suci Zahrana*. Selangor: Penerbitan Ar-Risalah Product Habiburahman El Shirazy.
- Hamidah Hanim (2020), *Peranan Wanita dalam Islam dan Feminisme Barat*. At-Tarbawi: *Jurnal Pendidikan, Sosial dan Kebudayaan* (2020), Volume 12, Nomor 2, 140-150.
- Hasyim, Zulfahani (2013). *Perempuan Dan Feminisme Dalam Perspektif Islam*. Muwazah: *Jurnal Kajian Gender*. *Jurnal Kajian Gender* (2013), Vol 4, No 1, 70-86.

- Henri, Shalahudin (2016). Wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri di Indonesia: Kajian kes di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Diakses daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/6724/1/henri.pdf>
- Ida Roziana Abdullah (2018). Konsep feminisme talbiah dalam karya Aminah Mokhtar. *Jurnal Persuratan Melayu* (2018).
- Isnaniah, S. (2014). Representasi Ajaran Islam Dalam Novel-Novel Karya Habiburrahman El Shirazy (Kajian Sosiologi Sastra Dan Nilai-Nilai Pendidikan). S1 thesis, Universitas Sebelas Maret.SDN BHD.
- Istanti, Syska (2012). Citra Perempuan dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya HabiburrahmanEl Shirazy: Kritikan Sastra Feminis. S1 thesis, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Jasmi, K. A. (2012). Laporan Dapatan Kajian in Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3 2012 at Felda Residence Tg. Leman, Mersing, on May 2012. *Organ 23-22* ized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, pp 1-21.
- Juidah, I. (2018). Transformasi Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy Menjadi Bentuk Film Cinta Suci Zahrana: Sebuah Kajian Ekranisasi. *Bahtera Indonesia; Jurnal Penelitian Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 3(2), 45-53.
- Kate Millet (1985). *Sexual Politics*. London: Virago
- Lay, S. Lebih Dari 50% Wanita di Malaysia Mengalami Diskriminasi Gender di Tempat Kerja. Diperoleh 27 Oktober 2020 daripada <https://wao.org.my/lebih-dari-50-wanita-di-malaysia-mengalami-diskriminasi-gender-di-tempat-kerja/>
- Mana Sikana (1998). *Teori Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Mahfud, D., Nazmi, N., & Maula, N. (2015). Relevansi Pemikiran Feminis Muslim Dengan Feminis Barat. *Sawwa: Jurnal Studi Gender*, 11(1), 95-110.
- Martania, N. (2013). Kajian Feminisme Eksistensialis Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy. S1 thesis, Universitas Jember.
- Megawangi, R. (1996). Perkembangan Teori Feminisme Masa Kini Dan Mendatang Serta Kaitannya Dengan Pemikiran KeIslaman. *Jurnal Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam* (1996), 12- 21.
- Mohd Yusof Hasan (2007). Teori Pendidikan Pemikiran Global. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mudip Temongmere (2018). Analisis Nilai Religius Dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy. S1 thesis, Universitas Mataram.
- Mutmainnah. (2018). Dampak Gerakan Feminisme Dalam Perspektif Hukum Islam Kontemporer. Diakses daripada <http://repositori.uinalauddin.ac.id/11846/1/MUTMAINNAH.PDF>
- M. Zahrul Anam (2019). Analisis Nilai Moral Dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy. S1 thesis, Universitas Islam Malang.
- Nurhayati, D. (2019). Pesan Dakwah Dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy. S1 thesis, Universitas Islam Negeri (Uin) Raden Intan Lampung.
- Nuroini Najmiya Nafisa, Mohammad Kanzunudin, Mila Roysa (2021). Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* (2021), Vol 2, No 2, 111- 124.
- Sahrani Adaruddin (2020). Feminisme Perspektif Islam. *Al-Wardah: Jural Kajian Perempuan, Gender dan Agama* (2020), Vol 14, No 2, 245- 253.

- Saputra, Romi (2021). Analisis Unsur Intrinsik Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy. S1 Thesis, Universitas Jambi.
- Sasami, W. S. (2014). Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy: Kajian Stilistik. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia* (2014).
- Sasami, W. S., Nurizzati, Ismail (2014). Gaya Bahasa Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy: Kajian Stilistika. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia* (2014), Vol 2, No 3.
- Septiana, E. (2013). Feminisme Dalam Pandangan Islam: Telaah Kitab Risalah Nur. *Jurnal KALAM* (2013), Vol 7, No 2, 321-342.
- Simone De Beauvoir (1974). *The Second Sex*. Diterjemah oleh H.M. Parshley. New York: Vintage Books.
- Siti Hajar Che Man (2001). Teori Feminis. Kertas Kerja dibentang pada seminar Serantau Teori & Kritikn Saster di hotel Park Royal.
- Sohaimi Abdul Aziz (2014). *Teori Kritikan Sastera* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suwastini, N. K. (2013). Perkembangan Feminisme Barat Dari Abad Kedelapan Belas Hingga Postfeminisme: Sebuah Tinjauan Teoretis. *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora* (2019), Vol 2, No 1, 198- 208.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir, Zulkarnain Mohamed (2013). *Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu*. Bangi, Selangor: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Sri Razali Ismail (2019, Mac 12). Wanita di Malaysia masih lagi mengalami diskriminasi: SUHAKAM. Utusan Borneo Online. Diakses daripada <https://utusanborneo.com.my/2019/03/12/wanita-di-malaysia-masih-lagi-mengalami-diskriminasi-suhakam>

- Yuniati, I., & Chairunnisa, C. (2018). Kohesi pada Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburahman El Shirazy. *Jurnal KIBASP (Kajian Bahasa, Sastra Dan Pengajaran)*, 1(2), 182-201.
- Zeenath, K. (2019). *Pemeriksaan Wanita Menurut Islam*. Kuala Lumpur: terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

